

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III

Bil. 22

Hari Rabu

13 Ogos 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997

(Ruangan)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 13 Ogos 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

KERETA NASIONAL - NEGARA PENGIMPORT

1. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:
 - (a) namakan negara-negara yang sudah bersetuju mengimport kereta Malaysia untuk pasaran tempatan, jumlah unit pada setiap negara bagi tahun 1995 dan 1996; dan
 - (b) adakah wujud kelainan di segi mutu dan harga dan adakah sudah berpuas hati dengan perpindahan teknologi dalam industri ini kepada rakyat tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 34 buah negara yang telah bersetuju mengimport kereta Proton bagi tahun 1995 dan 44 buah negara bagi tahun 1996. Jumlah keseluruhan yang dieksport bagi tahun 1995 ialah 20,846 unit dan tahun 1996 pula ialah 21,891 unit. Senarainya agak panjang dan saya akan kemukakan sebagai jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, tiada kelainan yang wujud di antara kereta-kereta Malaysia yang dieksport dengan yang dipasarkan dalam negeri dari segi mutu dan juga harga. Sekiranya wujud kelainan antara kereta-kereta Malaysia yang dieksport, ianya adalah disebabkan oleh keperluan memenuhi spesifikasi teknikal yang berlainan di antara pasaran-pasaran tertentu di luar negeri seperti kereta panduan sebelah kiri.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perpindahan teknologi walaupun penglibatan rakyat tempatan dalam industri ini jauh lebih tinggi berbanding dengan sebelum pelancaran projek kereta nasional, kerajaan berpendapat bahawa kita masih ada ruang untuk mempertingkatkan lagi perpindahan teknologi kepada rakyat tempatan. Ini adalah seperti dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan, reka bentuk

dan fabrikasi dalam pembuatan, komponen berteknologi serta bernilai tinggi yang sekarang ini masih memerlukan kepakaran asing.

Langkah-langkah untuk meningkatkan perpindahan teknologi dalam bidang-bidang ini sedang dan akan terus dipertingkatkan. Juga, peluang untuk membangunkan aspek-aspek teknologi tempatan dalam bidang yang mana Malaysia sudah ada kepakaran akan terus diberi tumpuan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah kenderaan yang dieksport ini pada tahun 1995 iaitu 20,868 dan 21,891 pada tahun berikutnya, berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, keuntungan itu tidak ada di dalam rekod kementerian ini. Kalau hendak tahu, rujuk kepada Proton.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun yang lalu Proton telah pun menaikkan harga dengan alasan kerana turunnya nilai Ringgit berbanding dengan Yen. Pada masa itu Proton masih belum banyak membuat pengeksporan. Jadi sekarang dengan turunnya nilai Ringgit dan Proton banyak mengeksport, ini akan mendatangkan pulangan yang lumayan kepada Proton. Adakah pihak kementerian akan membenarkan Proton menaikkan harganya dengan alasan kerana turunnya nilai Ringgit berbanding dengan Yen pada ketika ini?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, penurunan mata wang Ringgit itu merupakan satu gejala yang sementara sahaja, mungkin 2-3 bulan, selepas itu segala-galanya akan menjadi normal. Oleh sebab itu, adalah terlalu awal untuk kita membuat apa-apa cadangan kepada Proton.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati telah begitu banyak kereta kita telah dieksport kepada negeri-negeri tersebut. Bagaimana pula tentang spare parts kereta sekiranya kereta itu banyak yang rosak dan sebagainya. Adakah kita membekalkan daripada negara kita atau negara itu menyediakan spare parts?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kalau kita bekalkan atau menjualkan kereta-kereta kepada negara asing, kita mesti memastikan servis selepas jualan atau after sales service itu diadakan, kalau tidak, tidak ada orang hendak beli kereta sendiri.

KESESAKAN LALU LINTAS - KAJIAN

2. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan kesesakan lalu lintas semakin bertambah, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat kajian terperinci lalu lintas dengan menswastakan kawasan letak kereta, mengambil kira

keperluan lalu lintas di dalam setiap perancangan kawasan pembangunan/perumahan baru dan sila nyatakan majlis-majlis tempatan yang terlibat di dalam kajian dan pendekatan tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah pun menjalankan kajian pengangkutan secara umum dan bersepadu dalam penyediaan rancangan struktur bagi 96 kawasan pihak berkuasa perancangan tempatan. Ada di antara kawasan ini juga telah disediakan rancangan tempatan yang lebih memperincikan perancangan laluan pengangkutan sesuai untuk sesuatu tempat. Kajian memperincikan pelaksanaan perlu tindakan lanjut oleh kerana pihak berkuasa tempatan sendiri berasaskan kepada perakuan rancangan tempatan. Justeru itu, kerajaan telah mengarahkan supaya bandar-bandar yang besar seperti Bandaraya Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru menjalankan kajian terperinci ini untuk mengatasi masalah tersebut. Aspek-aspek keperluan tempat meletak kereta, perancangan kawasan pembangunan dan perumahan adalah diambil kira dan termasuk dalam skop kajian berkenaan.

Soal penswastan tempat-tempat letak kereta akan dipertimbangkan sekiranya penswastan memberi manfaat kepada rakyat, kepada kerajaan dan kepada pihak swasta itu sendiri iaitu ianya berdasarkan kepada, dengan izin, win wins situation kepada semua pihak.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kedudukan tempat letak kereta dan juga hubung kait dengan kelulusan bangunan. Pada masa yang lalu, khasnya di Kuala Lumpur ini, jika seorang pemaju bangunan tidak menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi, pemaju ini akan dikenakan penalti oleh pihak Dewan Bandaraya khasnya dan sekarang ini nampaknya dasar kerajaan telah pun berubah iaitu tidak membenarkan tempat letak kereta di bangunan-bangunan. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang mengubah dasar pula supaya memberikan insentif kepada pemaju-pemaju bangunan yang tidak mengadakan tempat letak kereta dan sebaliknya pula mengenakan penalti kepada pemaju-pemaju bangunan yang menyediakan tempat letak kereta yang berlebihan?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini hendak menangkap saya nampaknya. [Ketawa] Sama ada hendak dikenakan penalti bagi mereka yang mengadakan tempat-tempat letak kereta atau memberi insentif kepada mereka yang tidak menyediakan, ini sebenarnya adalah masih dalam kajian. Bukan kajian untuk mengenakan penalti atau tidak, tetapi pada keseluruhannya bandar-bandar besar dalam Malaysia telah pun melantik pakar-pakar runding masing-masing untuk membuat kajian terperinci mengenai masalah lalu lintas masing-masing. Ada tempat-tempat yang telah mula menjalankan pelaksanaannya tetapi ada lagi banyak bandar besar yang masih dalam kajian. Jadi,

keputusan yang sebenarnya tidak dapat saya berikan hari ini oleh kerana semua perkara ini masih dalam kajian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya juga bersetuju dengan saudara saya Yang Berhormat Datuk Rahim tadi berkenaan dengan paradox yang mungkin wujud di kalangan pembuat dasar berkenaan dengan mengenakan penalti tempat letak kereta di Kuala Lumpur. Soalan saya, dengan wujudnya sistem pengangkutan awam yang berbeza-beza di Kuala Lumpur ini, saya baru ini tahu, antara Star dengan yang lain itu tidak ada hubung kait langsung, dengan izin, independent by itself, jalannya pun berbeza, tidak ada hubung kait.

Jadi saya hendak bertanya pihak kerajaan, dengan wujudnya sistem pengangkutan sebegini rupa, adakah ini memudahkan orang ramai ataupun membebankan lagi apabila Putrajaya wujud sebagai satu pusat pentadbiran di mana kemungkinan pihak kerajaan sudah membuat kajian kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur mungkin berkurangan. Jadi saya hendak tahu, dengan wujudnya kajian itu adakah keadaannya sebegini rupa, wujudnya Putrajaya, dengan itu tidak banyak sangat kesesakan di Kuala Lumpur dan sistem yang berbeza-beza ini, LRT, Putra dan sebagainya tidak sama, akan lebih membebankan kita?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sistem tidak berbeza dari segi LRT. Sistemnya ada sistem LRT, cuma pihak-pihak yang membinanya sahaja mengikut track-track yang berlainan. Tetapi selepas landasan-landasan ini telah dibina, memang sekarang pun sudah ada perbincangan di antara syarikat-syarikat supaya pelanggan boleh menggunakan satu tiket dan menjelajah di seluruh kawasan bandar dan luar bandar dengan menggunakan satu tiket walaupun berbeza-beza dari segi hakmilik LRT berkenaan. Bermakna tidak akan wujud satu kekeliruan dan kesusahan kepada pengguna.

Berbalik kepada soal dari segi sama ada pemaju-pemaju bangunan dalam bandar dibenarkan mengadakan tempat-tempat letak kereta. Sebenarnya ini adalah satu rancangan jangka panjang. Dalam jangka panjang kerajaan sedang menyusun strategi supaya kereta-kereta tidak banyak yang boleh dan wajar memasuki bandar di mana akan berlaku kesesakan. Jadi, dalam jangka panjang apabila sistem pengangkutan ini diselaraskan secara sepadu, dianggarkan orang ramai akan datang ke bandar dengan menggunakan kenderaan awam tanpa perlu membawa kenderaan peribadi.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kerana Tuan Yang di-Pertua prihatin kepada soalan-soalan semasa yang amat ketara sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak membuat soalan tambahan. Sebelum itu saya hendak mukadimah

sedikit sahaja. Berkenaan dengan kesesakan lalu lintas sekarang ini amat ketara sekali, amat membimbangkan lebih daripada AIDS, lebih daripada denggi pada saya. Sebabnya dalam dua hari ini sahaja, daripada Bangsar hendak ke sini mengambil masa 1 jam, kereta cukup banyak, peraturan trafik dilanggar begitu sahaja, 'No Entry' pun dia masuk, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kereta memotong, terhalang di hadapan dan sebagainya. Ini sudah tentu mengakibatkan, dengan izin, mental petit, pollution. Kita sudah ada jerebu, asap kereta keluar, banyak masa habis di jalan raya sahaja. Menteri-menteri tidak dapat sampai ke sini untuk menjawab soalan-soalan ahli Dewan Negara. Hanya Datuk Nazri sahaja boleh dapat sebab dia 1 jam daripada Ipoh ke sini, itu pun tidak ada polis trafik yang memberi saman kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini amat ketara. Pihak polis trafik seorang pun tidak ada. Apabila masa trafik sesak sangat polis trafik tidak ada, saya tidak tahu. Bila tidak ada sesak sangat baru ada polis trafik. Tiap-tiap Dewan bersidang kita ada usul pada mula, "ahli Dewan Rakyat Parlimen jangan ada gangguan hendak pergi ke Parlimen." Sekarang ini kena ganggu sampai 2 jam pun ada sebab tidak boleh masuk. Jadi, apakah caranya, soalan saya mengapa kerajaan tidak menimbangkan untuk mengenakan bayaran untuk masuk ke tengah-tengah kota yang sibuk sekali ini. Yang kedua, betulkanlah pengangkutan awam ini cepat sedikit dalam keadaan kita membina LRT dan sebagainya. Bas semakin kurang sekarang ini. Bagaimana kerajaan hendak mengatasi masalah ini sebelum kita semua menghadapi mental problem.

[Ketawa]

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan mengakui bahawa masalah ini amat dirasai oleh semua ahli dalam masyarakat. Saya sendiri tadi sebelum datang, saya terpaksa faxkan jawapan ini agar kalau saya terlambat disebabkan traffic jam, saya meminta sahabat saya di sebelah kiri untuk menjawab. Tetapi sempat saya datang dalam masa yang ditetapkan, maka alhamdulillah saya tidak begitu stress sangat jiwa saya pada tengah hari ini. *[Ketawa]*

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato', dari segi kesesakan memang dirasai sangat oleh kerana kita sedang membina landasan-landasan, jalan-jalan, begitu juga semua prasarana yang perlu agar ianya dapat diselesai, disiap dan disediakan bagi Sukan Komanwel. Jadi, semua projek ini dikatakan fast track development. Apabila fast track itu perlu kadang-kadang sesuatu jalan yang kita jalan hari ini, esok disekat selama dua hari, mungkin satu hari, maka jalan itu

kalaupun kita biasa menggunakan jalan itu, kita akan tergendala pada hari berkenaan. Jadi, nasihat saya kepada Yang Berhormat Dato' dan semua pihak perlulah rancang dari segi perjalanan. Kalau kita selalu memakan setengah jam, kita rancang dua jam. Jadi, planning kita itu kena buat lebih awal. Kalau pernah keluar ke bandar pukul 8.00 pagi, kita kenalah bertolak mungkin pukul 6.00 pagi. Jadi, ini semua adalah bagi kita tidak dapat elak dalam keadaan sekarang.

Bagi jangka panjang memang kerajaan dalam rancangan sedang mengkaji dan peraturan-peraturan yang sedang diatur ialah agar macam saya kata tadi kenderaan-kenderaan persendirian akan berkurangan memasuki kawasan bandar. Kemungkinannya kalau mereka hendak masuk kenalah bayaran yang tinggi dan hanya syarikat-syarikat dan orang-orang yang kaya sahaja yang mampu datang ke bandar tanpa penggunaan kenderaan awam.

KTMB - KELUASAN TANAH DI MALAYSIA DAN SINGAPURA

3. Puan Hajah Rahaiah binti Baهران minta Menteri Pengangkutan menyatakan keluasan tanah kepunyaan Keretapi Tanah Melayu di Malaysia dan Singapura. Apakah rancangan KTM untuk memajukan tanah tersebut dan sekaligus dapat mengindahkan tanah-tanah di sepanjang landasan yang kini terbiar dan diduduki secara haram.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, keluasan tanah KTMB di Semenanjung Malaysia ialah 30,705 ekar dan di Singapura 536 ekar. KTMB mempunyai rancangan untuk memajukan tanah tersebut. Keputusan telah pun diambil untuk memajukan tanah di Sentul, Brickfields, Jalan Syers, Port Dickson, Prai, Sungai Petani dan Johor Bahru.

Sehingga Jun 1997, KTMB telah pun menandatangani 8 perjanjian dan 2 MoU dengan pihak swasta untuk memajukan dan membangunkan tanah-tanah KTMB secara usahasama. Selain daripada itu, tindakan sedang diambil untuk mengenal pasti tanah-tanah di kawasan lain bagi dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, KTMB juga mempunyai rancangan untuk mengindahkan tanah-tanah di sepanjang landasan. Di kawasan yang terlibat dengan rancangan landasan berkembar di antara Rawang-Sungai Siput dan juga Kulai-Johor Bahru, KTMB akan memindahkan semua setinggan ke tempat lain. Di Singapura pula tindakan pengusiran sentiasa diambil, manakala di kawasan Lembah Klang, KTMB dengan usahasama pengusaha nurseri akan menanam pokok-

pokok bunga dan landskap. Program pengindahan ini akan dimulakan dalam tempoh 1-2 bulan lagi. Sekian.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, kita faham bahawa 1 Ogos 1997 KTM telah diswasta atau diambil alih oleh beberapa syarikat. Saya ingin bertanya terdapat 30,705 hektar tanah di antara Johor sampai ke Padang Besar. Apabila diswastakan ini banyak kerajaan negeri nanti menghadapi masalah kerana cukai-cukai tanah. Apakah dalam konsesi perjanjian yang menswastakan KTM ini yang diambil alih oleh syarikat yang berkenaan tidak perlu membayar cukai semacam mana British buat perjanjian dengan negeri-negeri dalam Semenanjung?

ini hanya dibenarkan masuk KTM untuk menjalankan segala kerja-kerja pengurusan sahaja ataupun management contract, dengan izin. Bila kerajaan benar-benar tetap tarikh penswastaan, sebab buat masa ini EPU masih dalam peringkat kajian yang terakhir, dan bila tarikh itu ditetapkan maka segeralah KTMB akan pula diserahkan kepada konsortium yang akan mendapat penswastaan ini.

Dari segi tanah-tanah kepunyaan KTMB buat masa ini, memang kita tidak dapat tahu lagi sama ada semua akan diserahkan kepada konsortium yang akan mengendalikan penswastaan ataupun sekerat ataupun tidak langsung. Buat masa ini EPU masih dalam kajian dengan teliti. Sekian.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya, tanah KTMB yang seluas 536 ekar di Singapura bolehkah pihak kementerian Yang Berhormat menyatakan apakah jenis projek atau pembangunan yang akan dibuat dan berapa tahun lagikah tempoh tanah ini dimiliki oleh KTMB?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, memang tanah seluasnya 536 ekar yang terletak di Singapura adalah kepunyaan kerajaan kita. Buat masa ini tempat digunakan itu sebagai stesen bagi perkhidmatan rel ke Singapura, dan bila penswastaan ini direalisasikan, tanah ini tidak akan diberikan kepada syarikat swasta. Kerajaan sedang berusaha berbincang dengan Kerajaan Singapura supaya membenarkan kerajaan kita membangunkan tanah ini sama ada secara komersial atau untuk lain-lain. Tetapi tidak ada apa lagi keputusan dibuat, kita masih dalam perbincangan. sekian.

DAN KEBAIKAN

4. **Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Perusahaan Utama** menyatakan apakah kemajuan yang dicapai pada masa ini mengenai minyak petrol untuk kegunaan kenderaan bermotor yang dihasilkan daripada minyak sawit. Apakah kelemahan atau kebaikannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama. Metil ester daripada minyak sawit yang dikenali juga sebagai diesel sawit boleh digunakan sebagai bahan ganti diesel di dalam enjin diesel. Kajian terperinci menggunakan diesel sawit yang dihasilkan di loji rintis PORIM telah selesai dijalankan dan laporan kajian menunjukkan hasil yang amat memberangsangkan dan didapati ianya boleh digunakan di dalam kesemua enjin diesel yang tidak diubahsuai seperti enjin statik, bas, trak, kereta dan lain-lain.

Diesel sawit ternyata dapat mengurangkan asap hitam, karbon monoksida dan sulfur diok

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum penswastaaan ini dapat dilaksanakan di antara kerajaan dan juga pihak swasta, iaitu sebuah syarikat yang bercorak konsortium diberikan, memang kerajaan memberi pertimbangan kepada semua aspek. Sebenarnya 1 Ogos tahun ini bukan tarikh penswastaaan KTMB. Sebenarnya tarikh ini hanya membenarkan konsortium Merak Unggul Sdn. Bhd. yang akan mengambil alih kelak, konsortium sida yang secara langsung merupakan mesra alam sekitar ataupun environmental-friendly. Di samping itu, ianya setanding dengan diesel petroleum dari segi prestasi enjin dan penggunaan bahan api serta ianya selamat semasa penyimpanan dan pengangkutan. Walau bagaimanapun, memandangkan ianya mengguna minyak sawit mentah, diesel sawit hanya sesuai diguna di negara-negara tropika kerana ianya membeku pada suhu di bawah 12 centigrade. Namun demikian, masalah ini boleh diatasi dengan cara pengadunan, dengan izin, blending. Di samping itu, mengikut kajian, dengan harga minyak sawit yang tinggi, kos pengeluaran diesel juga tinggi, iaitu dua kali ganda berbanding dengan kos pengeluaran diesel petroleum.

Tuan Yim Chee Chong: **Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya adalah berkenaan dengan minyak petrol. Semua orang mempunyai kereta, mempunyai kenderaan menggunakan minyak petrol, saya difahamkan bahawa ada stesen petrol yang minyak petrol itu dicampur dengan minyak tanah untuk kepentingan diri sendiri.**

Soalan saya, berapa banyakkah petrol station yang melakukan kesalahan ini yang ditangkap oleh kementerian dan dibawa ke mahkamah?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: **Tuan Yang di-Pertua,**

Tuan Yang di-Pertua: **Perlu notis?**

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: **Bukan perlu notis - tidak! Ini kementerian lain, kita bincang soal minyak sawit, saya tidak boleh jawab.**

Tuan Rosli bin Mat Hassan: **Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah dakwaan setengah-setengah pihak yang menyatakan diesel sawit kita ini tidak mencapai ke satu piawaian yang dikehendaki dalam piawaian minyak antarabangsa?**

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: **Tuan Yang di-Pertua, dakwaan itu adalah sebenarnya meleset kerana dalam kajian yang telah kita buat untuk mengukur prestasi diesel minyak sawit, kita sebenarnya telah membuat dua ujian lasak. Ujian lasak fasa satu telah dijalankan untuk menilai kesesuaian dari segi teknikal diesel minyak sawit sebagai bahan api alternatif untuk pelbagai jenis dan saiz enjin yang bermula pada tahun 1984 hingga 1989 dan kita menjalankan ujian ini kepada enjin-enjin kepunyaan - banyakkah seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Pertahanan, Guthrie Estate, Ridvent Palm, PORIM, Syarikat Seri Puteri, UTM dan ada dua buah teksi yang kita jalankan ujian.**

Hasilnya sepertimana yang telah saya maklumkan dalam jawapan awal sebentar tadi iaitu ianya adalah setanding dengan diesel petroleum dari segi prestasi enjin dan penggunaan bahan api serta ianya selamat semasa penyimpanan dan pengangkutan.

Jadi, ini jelas menunjukkan dan ia juga tidak mengeluarkan gas-gas yang negatif seperti yang telah saya sebutkan tadi iaitu monoksaid, asap hitam dan

karbon monoksida dan sulfur dioksida, tidak ada gas-gas ini dikeluarkan, jadi, ini jelas menunjukkan iaitu bahawa memang mutu sawit diesel ini adalah setanding ataupun lebih baik daripada diesel petroleum.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Tuan Yang di-Pertua**, soalan tambahan saya, daripada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menunjukkan bahawa minyak sawit ini mempunyai banyak kelebihan dan kita tahu negara kita merupakan negara yang mengeluarkan banyak hasil minyak sawit.

Oleh yang demikian, mengikut Yang Berhormat sebut tadi, kos untuk menghasilkan diesel sawit ini terlalu tinggi, apakah kerajaan tidak mempunyai suatu perancangan menggunakan R&D untuk membuat kajian bagaimana cara hendak mengurangkan kos. Kita ada potensi mengeluarkan sawit, bahan itu telah ada kepada kita cumanya kajian, apakah ini tidak memberikan suatu strategi bagi kerajaan untuk membantu ekonomi negara?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: **Tuan Yang di-Pertua**, sebenarnya kajian telah dibuat tetapi masalahnya ialah kerana harga pasaran sawit itu ia naik dan turun. Jadi, di kadar harga satu tan RM600 ianya adalah ekonomikal untuk kita menukarkan minyak ini kepada diesel sawit. Tetapi, sepertimana kita semua sedia maklum iaitu bahawa harga sekarang ini RM1,200 satu tan, bermakna kosnya terlalu tinggi.

Jadi, masalah di sini bukan R&D kita tidak boleh mencari jalan untuk membuat dengan harga yang murah tetapi kalau kita ambil kiraan katalah sekarang kita buat R&D harganya RM1,200, kalau besok pula ia naik RM2,400, maka sukar untuk kita mengejar harga yang mungkin naik tinggi kerana di atas kehendak pasaran dunia.

Jadi, kalau ia turun kepada RM600 satu tan, maka pada peringkat itu adalah ekonomikal untuk kita menukarkan minyak ini menjadi diesel sawit, tetapi kalau RM1,200 ia mahallah. Jadi, buat peringkat ini oleh kerana untuk menukarkan minyak sawit kepada diesel ini menggunakan minyak sawit mentah, oleh kerana ada pasaran yang lain berkenaan dengan sawit mentah ini, kita merasakan iaitu bahawa di peringkat ini belum masanya untuk kita mengkomersialkan soal minyak ini untuk diguna dalam kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad.

Dato' Chet Singh s/o Karam Singh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan nombor 5.

**FILEM/DRAMA UNTUK SIARAN RTM -
SYARIKAT PEMBEKAL**

5. Dato' Chet Singh s/o Karam Singh [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) berapa jumlah syarikat dan syarikat apakah yang membekal filem-filem drama yang diimport dari luar negeri kepada TV1 dan TV2, berapa syarikat bumiputera dan berapa syarikat bukan bumiputera; dan**
- (b) apakah syarikat yang paling besar dan berwibawa yang membekal filem-filem drama di TV1 dan TV2.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, syarikat yang menjadi pembekal filem-filem drama yang diimport untuk RTM adalah sebanyak 42 buah. Daripada jumlah ini, sebanyak 13 buah merupakan syarikat bumiputera manakala bakinya sebanyak 29 buah ialah syarikat bukan bumiputera.

Terdapat sebanyak 166 buah syarikat-syarikat yang berwibawa yang menjadi pembekal utama filem-filem drama untuk RTM. Walau bagaimanapun, pembekal yang paling aktif adalah sebanyak 27 buah yang terdiri daripada syarikat bumiputera dan bukan bumiputera.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak Kementerian Penerangan, adakah pihak Kementerian Penerangan mengadakan syarat-syarat tertentu supaya drama-drama yang diterbitkan dapat menggambarkan zaman teknologi maklumat yang kita ura-urakan dan kita akan sampai pada tahun 2020 kerana saya perhatikan kebanyakan drama, ia tidak mempunyai ciri-ciri futuristik yang kita harapkan kerana ini perlu untuk kita mendapatkan gambaran yang jelas tentang apa yang kita ura-urakan pada tahun 2020.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, usaha kementerian dalam melahirkan kesedaran tentang Information Technology (IT) ini, ialah bukan hanya menerusi drama-drama, kita tidak mempunyai syarat untuk menekankan agar drama-drama itu berbentuk futuristik. Kebanyakan daripada drama ini kita ambil sebahagian ialah untuk membendung dan membentuk akhlak moral yang sedikit sebanyak mengandungi pelbagai keadaan gambaran masyarakat dan juga masa kini yang berlaku di negara kita.

Ada juga usaha kita bukan hanya menerusi drama untuk membangkitkan kesedaran dan pengetahuan tentang IT ini menerusi seperti program-program global, minda dan juga dokumentari yang mana pihak kementerian kita rasa tidak lama lagi kita akan melancarkan IT yang akan dilancarkan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dan tidak ada syarat seperti apa yang Ahli Yang Berhormat nyatakan tadi untuk menekankan bahawa drama-drama itu harus melambangkan futuristik.

Di samping itu juga, seperti yang kita nyatakan harus ada memaparkan untuk memperbaiki akal budi masyarakat kita.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Apakah hemat kerajaan terhadap kedudukan golongan bumiputera yang bilangannya begitu kecil, apakah usaha-usaha untuk melibatkan lebih ramai lagi golongan bumiputera dalam industri yang tersebut dan bagaimanakah kedudukan pihak bumiputera dalam rancangan-rancangan TV di pihak pemilik swasta?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita menekankan bahawa penyertaan bumiputera akan lebih ramai, contohnya dalam pembikinan drama-drama ini makanya kerajaan telah pun memutuskan dalam Jemaah Kabinet supaya memberikan satu kumpulan usahawan bumiputera seperti Kris Motion kita beri 200 jam untuk Kris Motion ini sebagai gabungan tenaga usahawan bumiputera yang terlibat secara langsung dalam industri ini untuk bergiat cergas.

Kita juga di samping itu ingin menyeru agar usahawan-usahawan bumiputera ini bukan hanya mementingkan keuntungan, harus mempertingkatkan mutu persembahan-persembahan drama ini. Yang membimbangkan kita kadang-kadang di peringkat pada hari ini contohnya, macam pembayaran ke atas pelakon-pelakon, artis-artis lama, veteran, kadang-kadang semakin dia lama semakin menurun kadar bayarannya. Tetapi di negara-negara yang sudah maju dalam

industri ini banyak di antara tokoh-tokoh yang mempunyai kebolehan ini semakin lama semakin persembahan dan kebolehannya untuk berlakon itu semakin tinggi, maka seharusnya kadarnya juga seharusnya tinggi, tetapi di negara kita yang membimbangkan kita keadaan itu semakin menurun.

Apa yang harus menjadi kriteria bukan hanya wajah ataupun suara dan juga harus kualiti persembahan. Maka kita menyeru agar, saya amat bersetuju sekali dengan pandangan Ahli Yang Berhormat tadi untuk menekankan agar lebih ramai lagi pihak usahawan bumiputera seperti yang kita nyatakan Jemaah Menteri telah pun memutuskan untuk mempertingkatkan, ini satu langkah yang baik dan kita harus menggalakkan agar banyak lagi usahawan bumiputera menyusul daripada belakang untuk **mempertingkatkan usaha ini.**

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah ada satu syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat pembekal filem-filem, drama yang diimport daripada luar ini untuk membahasamalaysia-kan segala dialog-dialog dalam drama tersebut?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi rangkaian TV1 kita kenakan syarat mesti untuk mana cerita-cerita yang ada hubungkait dengan itu untuk dipaparkan dengan sari kata bahasa Melayu. Rangkaian TV2 kita tekankan bahawa seperti pembekal-pembekal daripada luar negara banyak Warnes Brothers dan lain-lain yang membekalkan filem ini kita tekankan tentang bukan hanya dari segi terjemahan kadang-kadang bahkan juga jalan cerita itu sedikit sebanyak harus memberi manfaat kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya minta tarik balik soalan saya nombor 6, kerana perkara ini telah pun beres. Terima kasih.

**JALAN RAYA DARI SIPITANG KE TAWAU DAN
DARI TANDEK KE SIMPANG PAITAN - PEMBINAAN**

7. **Tuan Jiuin bin Jimin** minta **Menteri Kerja Raya** menyatakan sama ada kerajaan bercadang membina jalan raya daripada Sipitang ke Tawau, Sabah dan daripada Tandek ke Simpang Paitan, Sungut. Jika ya, bilakah kerajaan akan melaksanakan cadangan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang mempunyai cadangan untuk membina jalan raya daripada Sipitang ke Tawau melalui Beaufort, Tenom, Keningau, Nabawan, Sepulut, Kalabakan dan Merotai; dan daripada Tandek ke Simpang Paitan, Sugut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan.

Walau bagaimanapun, pembinaan jalan raya ini akan dilaksanakan mengikut peruntukan yang ada. Pembinaan jalan raya dari Sipitang ke Beaufort sedang dalam pelaksanaan dan akan siap pada penghujung Rancangan Malaysia Ketujuh. Bagi cadangan jalan raya dari Beaufort ke Tenom, Keningau ke Nabawan dan Nabawan ke Sepulut, kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi kajian kemungkinan atau feasibility study, dengan izin, kerja ukur, rekabentuk terperinci dan menyediakan dokumen tender dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Permohonan bagi membina jalan-jalan tersebut akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kerajaan juga ada menyediakan peruntukan untuk membina jalan raya dari Merotai ke Kalabakan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan ada menyediakan peruntukan bagi membina jalan raya dari Tandek ke Pitas dan juga kerja-kerja ukur dan rekabentuk

terperinci dan dokumen tender bagi penyediaan jalan raya Pitas/Kanibungan/Paitan/Nangoh. Terima kasih.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila disebut Merotai/Kalabakan, apakah ini dalam perancangan ataupun sedang dilaksanakan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi projek ini memang ada untuk Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi setakat ini kerajaan telah melantik satu juruperunding untuk membuat kerja-kerja rekabentuk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Jadi, maknanya kalau rekabentuk siap sebelum tamat Rancangan Malaysia Ketujuh, projek itu boleh diteruskan untuk pembinaan.

STESEN PEMANCAR RADIO DAN TELEVISYEN DI KAWASAN TERLINDUNG - PERUNTUKAN DAN PELAKSANAAN

8. Tuan Long bin Jidin minta Menteri Penerangan menyatakan tentang langkah-langkah kerajaan terhadap penyebaran maklumat melalui media elektronik yang masih lagi tidak meliputi seluruh negara terutama di kawasan pedalaman didapati tidak menerima sebarang siaran radio atau televisyen.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki penerimaan siaran radio dan televisyen di seluruh negara. Projek ini sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat. Pada tahun ini sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan dan pembinaan stesen-stesen pemancar radio dan televisyen baru sedang dilaksanakan bagi meliputi siaran radio dan televisyen di kawasan-kawasan terlindung.

Tuan Rosli bin Mat Hasan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengalami kawasan-kawasan pedalaman di seluruh negara kita memang agak lama berlaku setelah kita merdeka hampir 40

tahun. Jadi, apakah satu fullstop, titik muktamat oleh Kementerian Penerangan supaya kaedah mendapatkan siaran ini dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya sebelum, katakan akhir tahun ini ataupun akhir tahun depan. Kita mesti ada satu garis putus dan garis titik supaya kebanyakan masyarakat yang tidak mendapat siaran radio dan televisyen ini adalah penyokong kuat kerajaan dan juga merupakan rakyat yang agak daif di kawasan pedalaman dan luar bandar. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kementerian untuk memperbaiki agar siaran ini dapat dilaksanakan secepat dan sebaik mungkin. Masalahnya dari segi kewangan kerana ia menelan belanja yang begitu banyak dan di samping itu ada juga tuntutan agar lesen radio dan televisyen ini ditiadakan. Sekiranya ia dilakukan, sedikit sebanyak ia akan membantutkan usaha kita untuk memperbaiki. Bagi kita ia bukan mudah, ia bukan hanya berlaku di pedalaman, bahkan di dalam bandar pun. Contoh, di Lembah Kelang pun ada tempat penerimaan siaran TV yang tidak baik kerana banyak bangunan yang terlindung, oleh kerana bangunan-bangunan tinggi yang mencakar langit semakin meningkat. Makanya kita telah pun berusaha dan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar menggalakkan setiap developer supaya ada satu antenna khusus di bangunan tersebut untuk memudahkan penginap-penginap di rumah-rumah tersebut boleh menggunakan satu saluran dengan cara yang baik.

PERUNTUKAN PINJAMAN KEPADA PENIAGA KECIL

9. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membolehkan para peniaga kecil mendapat manfaat dari peruntukan pinjaman untuk peniaga-peniaga kecil yang dinyatakan dalam Belanjawan setiap tahun. Ini kerana ramai yang menyatakan kesukaran untuk mendapat pinjaman dan kesannya ramai yang telah meminjam dari ceti-ceti haram serta "Along-along".

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar terdapat kesukaran di pihak peniaga kecil untuk mendapat pinjaman. Ini adalah kerana, antara lain karenah biokrasi. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan termasuklah mempermudah skim yang sedia ada dan juga yang keduanya, mengurangkan karenah pentadbiran di pihak institusi kewangan dan pihak lain yang mengeluarkan pinjaman. Antara skim baru yang diperkenalkan termasuklah Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) melibatkan peruntukan sebanyak RM240 juta untuk memberi pinjaman kepada mereka yang memerlukan pinjaman antara RM10,000 hingga RM50,000. Ini merupakan tambahan kepada skim yang sedia ada termasuklah

skim di bawah skim di bawah syarikat jaminan kredit (CDC) dengan peruntukan RM120 juta dan juga tambahan kepada peruntukan MARA sebanyak kira-kira RM35 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kerajaan sedar bahawa untuk menghapuskan secara keseluruhannya apa yang dipanggil ceti haram ataupun Along ini adalah mustahil. Ini antara lain kerana di bawah skim Along ini tidak memerlukan sebarang documentation, tidak ada surat menyurat yang diperlukan. Juga tidak memerlukan collateral, jadi oleh kerana skim ini menawar atau menyediakan cara pendekatan yang begitu mudah - tidak perlu document dan tidak perlu collateral, adalah sukar untuk pihak kerajaan menyaingi ceti-ceti haram ini. Dalam pada itu kerajaan, dengan izin, tidak condone ceti-ceti haram ini dan jika ada laporan pihak berkenaan akan mengambil tindakan kerana mereka sebenarnya meminjam wang dengan cara yang haram dan kalau mengikut peraturan mereka perlu mendapat kelulusan daripada Bank Negara dan pihak-pihak lain yang berkenaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan wujudnya perbelanjaan yang besar seperti ini kepada peniaga-peniaga kecil, saya hendak tahu adakah wang yang dibelanjakan ini dikutip balik dengan baik dan kalau sekiranya tidak, berapa banyak yang dikutip dan berapa banyak yang tidak. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan pula satu pasukan sukarelawan eksekutif di mana kita dapati banyak pakar baik dari segi pihak swasta mahupun pihak kerajaan yang sudah pencen ini yang juga masih mampu untuk berkhidmat secara sukarela untuk membantu peniaga-peniaga kecil, besar dan medium supaya mereka dapat ditingkatkan dari segi tahap pendekatan perniagaan dan wang yang dibelanjakan mungkin dapat dikutip balik dengan baik. Adakah ini merupakan pemikiran kerajaan ke arah menentukan micro credit system ini berjaya?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi skim yang tidak disebut tadi ialah Skim Amanah Ikhtiar Malaysia yang mana prestasi pembayaran baliknya adalah begitu mengagumkan iaitu kira-kira 99%, Hampir kesemua peminjam di bawah skim AIM membayar balik pinjaman mereka. Jadi, prestasi di bawah AIM begitu baik sekali.

Mengenai Tabung Penjaja, prestasinya tidaklah begitu membanggakan. Peratus mereka yang tidak membayar balik pinjaman ialah kira-kira 13% yang melibatkan nilai kira-kira RM25.9 juta. Ini di bawah Tabung Penjaja. Satu lagi tabung yang baru diperkenalkan, saya sebut tadi Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil yang peruntukan RM240 juta, setakat ini 175 pinjaman telah diluluskan, ini melibatkan RM6.5 juta. Untuk skim ini cuma dua sahaja yang mana prestasi bayaran baliknya tidak baik. Jadi,

secara umumnya di bawah Skim SELF ataupun TPUK ini kita dapati bahawa prestasinya adalah lebih baik berbanding dengan tabung-tabung sebelumnya dan selain itu seperti yang saya katakan tadi di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, prestasi bayaran baliknya adalah begitu membanggakan.

Mengenai cadangan ataupun soalan sama ada kerajaan ingin memperkenalkan satu skim sukarelawan untuk meningkatkan prestasi peniaga kecil termasuklah mengutip balik pinjaman, perkara ini bolehlah kita bincangkan, sekarang ini kita tidak ada skim sedemikian. Yang paling dekat saya dapat beri contoh ialah TEKUN iaitu satu tabung yang dikelolakan oleh Universiti Sains Malaysia yang melibatkan individu-individu tertentu untuk mengutip balik pinjaman dua minggu sekali. Itu contoh yang paling hampir boleh saya beri. Secara umumnya tidak ada lagi sekarang ini gerakan sukarela untuk membantu peniaga kecil untuk meningkatkan kutipan balik pinjaman.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ini adalah berkaitan dengan Sastera Melayu ditujukan kepada Dato' Haji Mohd. Zuki minta jawapan. Apakah maknanya “Along-along”? *[Ketawa]* Kamus Dewan Bahasa tidak ada perkataan ini, adakah perkataan ini dari orang Cina - “Along-along” bermakna orang yang memberi pinjaman yang tidak sah dan haram? Ini berkenaan dengan Sastera Melayu atau Sastera Cina - “Along-along”, apakah maknanya Dato' Zuki? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini nampak lain orang yang disoal ini. *[Ketawa]* Brangkali Menteri boleh menjawab.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Soalan tidak dituju kepada saya, saya tidak boleh menjawablah.

[Ketawa]

Tuan Yim Chee Chong: Boleh ditujukan kepada Menteri, Yang Berhormat Menteri pengarang buku.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ini ceti haram ini bermaksud dalam bahasa Melayunya mereka yang memberi pinjaman tanpa lesen yang sah, itu maksudnya. Jadi, kalau saya boleh membantu Dato' Zuki “Along” ini mungkin orang Pahangkah yang bercakap “Along” ataupun mungkin orang Cina.

[Ketawa] Dua kemungkinanlah, sama ada orang Pahang ataupun orang Cina. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, mohon saya beri penjelasan sedikit. Sastera “Along-along” ini kita dapati daripada orang Cina sebab Sastera ini ialah dalam bahasa

Inggeris, dengan izin, loan-shark, jadi yang banyak memberi pinjaman, saya tidak ada bukti - hendak beritahu awal-awal, iaitu yang beri pinjaman ini adalah “Along-along”. Jadi, di kampung saya ada seorang dua hilang begitu sahaja. Mula-mula ada kedai kecil lepas itu dia hilang. Saya tanya sahabat saya kemana dia pergi, dia kata ini sebab dia ada hutang dengan “Along-along”, jadi dia sudah hilang tidak tahu ke mana dia pergi. Inilah masalah yang timbul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih - sebelum saya duduk saya hendak ucapkan tahniah kepada Dato’ Mustapa fasal memberi keyakinan kepada pengundi-pengundi di Semarak mengundi Barisan Nasional semula. *[Tepuk]*

Dato’ Mustapa bin Mohamed: Terima kasih. *[Ketawa]*

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di Kelantan terkenal dengan peniaga-peniaga kecil kaum wanita, saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, apakah kemudahan-kemudahan yang telah diberi oleh kementerian ini kepada peniaga-peniaga khususnya peniaga kecil wanita di Kelantan ataupun oleh kerana Kelantan ada satu tabung yang dinamakan Tabung Serambi Mekah, apakah Kementerian Pembangunan Usahawan boleh melepaskan tanggungjawab kerana di sana ada satu tabung, apakah peranan tabung itu yang diketahui oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Dato’ Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Serambi Mekah adalah bukan untuk usahawan tetapi untuk orang-orang yang berserban putih sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada rakyat Malaysia meliputi kesemuanya tidak mengira jantina dalam erti kata kesemua kemudahan yang disediakan oleh kerajaan juga disediakan untuk wanita. Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah Tabung SELF umpamanya iaitu Tabung Pembangunan Usahawan Kecil ini, kira-kira 35% hampir 40% usahawan yang berjaya merupakan wanita - bagi saya merupakan satu peratusan yang tinggi kalau kita lihat kepada angka hampir 40% ini.

LABEL HALAL - DASAR KERAJAAN

10. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian mempunyai dasar-dasar yang selaras mengenai penggunaan label halal di seluruh negeri dalam Malaysia; dan

- (b) apakah mekanisme pihak kerajaan untuk memastikan penggunaan label tersebut sentiasa dapat diawasi dan menyakinkan rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pihak kerajaan memang mempunyai dasar yang selaras mengenai penggunaan label halal di seluruh negeri dalam Malaysia iaitu melalui penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 1972. Terdapat dua perintah yang diwujudkan berhubung dengan penggunaan label halal iaitu satu, Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal) 1975, yang kedua, Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975.
- (b) Secara pentadbiran, tugas pengesahan halal dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Sijil pengesahan halal yang dikeluarkan diiktiraf oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengikut Perintah Perihal Dagangan yang disabitkan itu. Bagi memastikan penggunaan label halal sentiasa diawasi dan menyakinkan rakyat, tindakan-tindakan berikut diambil:
 - (i) penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 1972;
 - (ii) kajian ke atas barangan oleh jawatankuasa iaitu jawatankuasa teknikal mengkaji makanan dan bahan gunaan orang Islam dan jawatankuasa penyelarasan mengkaji makanan dan barang gunaan orang Islam peringkat kebangsaan yang terdiri daripada ahli-ahli agama, pakar-pakar sains dan jabatan yang berkenaan di samping wakil jabatan agama Islam negeri;
 - (iii) pengeluaran Sijil dan Logo halal oleh kerajaan;
 - (iv) pengeluaran garis panduan berhubung dengan pemprosesan makanan dan barangan halal.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, berkenaan dengan penubuhan jawatankuasa tadi, disebutkan bahawa ada jawatankuasa teknikal mengenai makanan dan jawatankuasa penyelarasan perihal makanan. Adakah jawatankuasa-jawatankuasa ini diwujudkan di peringkat pusat dan juga di peringkat-

peringkat negeri dan siapakah yang menguruskan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut di peringkat negeri? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa-jawatankuasa teknikal memang wujud di peringkat negeri tetapi jawatankuasa penyelarasan hanya di peringkat Persekutuan. Ahli-ahli dalam jawatankuasa ini sepertimana yang disebut tadi tetapi pengerusinya, kalau di peringkat negeri ialah Pengarah Jabatan Agama Islam.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak mencadangkan kepada pihak kerajaan kalau bersetuju. Negara kita agama rasminya agama Islam. Jadi, sepatutnya kita mempunyai keyakinan untuk hendak makan apa sahaja yang dikeluarkan di negara kita ini yang diimport, kecuali kalau sekiranya benda itu haram. Jadi, kalau boleh pihak kerajaan, jangan kita halalkan benda yang halal, kita haramkan benda yang haram. Pemikiran kita sekarang ini sepatutnya kalau kita tengok barang itu cap haram dengan tulisan merah, orang Islam tidak berani hendak datang dekat, baik kita tengok arakkah tulis haram cara besar dengan dakwat merah sekali pun dan kita yang lain itu kita tahu memang halal fasal negeri ini negeri Islam. Yang kita hendak makan tidak perlu kita tunjukkan label 'halal haram' yang haram itu kita tunjukkan haram.

Jadi, kalau boleh kita tukarlah akta bagi menentukan bahawasanya negara ini adalah negara Islam, barang yang ada label hanya barang yang haram sahaja dan perkataan haram itu kita tulis besar-besar. Dua maksud yang kita boleh capai. Pertamanya, orang Islam memang tidak pergi, sudah dekat benar, dia malu. Yang keduanya, kita menentukan yang lain itu bebas untuk dimakan kerana ianya halal, tidak perlulah kita cap. Ini kalau kerajaan bersetujulah.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yang memerintah selalu diplomatik dan sangat psikologi, jadi kita ambil perkara yang positif, tidak yang negatif. Sebab itu kita ambil yang halal sahaja untuk menghilangkan kekeliruan kerana ini lebih sesuai dengan masyarakat majmuk.

PEGAWAI KASTAM BERTUGAS DIHADKAN MEMBAWA RM50.00 - KEBERKESANAN DALAM MENCEGAH RASUAH

11. Tuan Charern Intachat minta Menteri Kewangan menyatakan:
 - (a) adakah arahan menghadkan wang sebanyak RM50.00 yang boleh dibawa oleh pegawai kastam semasa bertugas berkesan untuk mencegah penerimaan wang rasuah di kalangan pegawai-pegawai kastam; dan
 - (b) berapakah bilangan pegawai kastam yang ditangkap atau diambil tindakan tatatertib kerana membawa wang melebihi RM50.000 semasa bertugas dalam tiga tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, arahan mengehendkan pegawai-pegawai kastam membawa wang sebanyak RM50.00 semasa bertugas telah didapati memberi kesan positif dalam usaha mencegah penerimaan wang rasuah di kalangan pegawai-pegawai kastam. Ini dapat dilihat sejak arahan tersebut dikeluarkan pada tahun 1983, rasuah spontan dalam bentuk tip perkhidmatan, dengan izin, telah dapat dibanteras dan berdasarkan statistik juga telah menunjukkan bilangan pegawai dalam kuota kastam yang dituduh di mahkamah dan diambil tindakan tatatertib kerana amalan rasuah dan penyelewengan telah menurun seperti berikut:

Tahun	Bilangan Diambil Tindakan
1981-1985	27
1986-1990	26
1991-1995	15

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan pegawai kastam yang telah ditangkap atau diambil tindakan tatatertib kerana membawa wang melebihi RM50.00 semasa bertugas di dalam tiga tahun kebelakangan ini ialah seramai 12 orang sahaja.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang hairan dengan soalan ini, sebab saya tertanya-tanya bagaimana hendak melaksanakan? Adakah mereka ini kena kosongkan poket mereka, tengok ada lebih atau tidak, adakah mereka ini dibuat macam pekerja-pekerja hotel, keluar mengikut satu pintu, ada bawa balik garpu atau tidak. Jadi, pihak kastam ini saya tidak faham macam mana hendak periksa. Tiap-tiap orang mesti diperiksa tiap-tiap pagi, tiap-tiap tengah hari, tiap-tiap petang atau macam mana hendak melaksanakan dasar yang mereka ini bawa RM50.00, tidak boleh lebih daripada itu. Ini saya hairan. Bolehkah pihak kerajaan memberi sedikit penjelasan kepada kami semua.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan ini sebenarnya jumlah wang yang dibenarkan dimiliki semasa bertugas ialah RM50.00 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan RM20.00 adalah untuk Kumpulan Sokongan. Untuk memastikan arahan ini dipastikan, pemeriksaan badan secara mengejut dan terancang dijalankan oleh pegawai yang lebih kanan ke atas pegawai-pegawai yang terlibat. Mana-mana pegawai dan anggota yang didapati memiliki wang melebihi had yang telah ditetapkan, akan disiasat dan tindakan tatatertib diambil ke atasnya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini satu soalan yang tidak begitu cerdik saya akan kemukakan kepada pihak kerajaan. Apakah tindakan kalau wang itu tidak dalam mata wang Ringgit Malaysia ataupun dia ada campuran Ringgit Malaysia dan lain-lain mata wang. Bagaimanakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan yang digunakan ialah kadar secara rasmi digunakan. Kalau dalam apa bentuk jua mata wang itu diterima, adalah berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan. Kalau melebihi jumlah yang ditetapkan itu, adalah telah dianggap sebagai salah.

Sukacita saya maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada zaman hari ini urusan harian seorang pegawai mungkin dia perlu duit poket yang melebihi daripada itu untuk membayar bil elektrikkah atau perbelanjaan keperluannya, maka pihak kastam juga mengkaji semula sama ada hendak menambah daripada RM50.00 ataupun kepada satu jumlah yang lebih tinggi daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 51 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [12 Ogos 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar boleh sambung semula.

3.35 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana **memberi** peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan semalam.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, di samping kuasa-kuasa perundangan, BPR juga diperuntukkan kuasa pentadbiran untuk membuat perakuan tindakan tatatertib terhadap pegawai awam hasil daripada siasatan kes-kes rasuah. Hasil siasatan ini juga digunakan untuk membuat tapisan

keutuhan bagi kenaikan pangkat, pencalonan anugerah bintang dan darjah kebesaran, persaraan pilihan sendiri dan pengisian jawatan penting.

Peraturan-peraturan dan pekeliling berkaitan dengan perkara di atas adalah seperti berikut:

- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 1967 - Laporan Penyiasatan Pengarah Badan Pencegah Rasuah;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 1975 - Laporan Penyiasatan Biro Siasatan Negara; dan
- Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985 - Tapisan Keutuhan oleh Badan Pencegah Rasuah Malaysia.

Melalui pengalaman penguatkuasaan yang dijalankan berhubung dengan pencegahan rasuah, jenis kesalahan jenayah rasuah yang kerap dikesan berlaku mencakupi perlakuan-perlakuan seperti berikut:

Kesalahan Menerima dan Memberi Suapan Rasuah -

Jenis kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen 3(a) dan (b) serta seksyen 4(a) dan (b) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Disemak 1971) yang secara ringkasnya bermaksud, “dengan niat salah menerima daripada seseorang atau memberi kepada seseorang apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan urusan rasmi atau urusan prinsipal berkenaan.”

Kesalahan Mengemukakan Dokumen atau Butiran Pernyataan Palsu, Khilaf, Tak Lengkap -

Jenis kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen 4(c) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Disemak Semula 1971) yang secara ringkasnya bermaksud, “seseorang memberi atau menggunakan dokumen yang mempunyai nilai kewangan dan diketahuinya mengandungi butir-butir palsu, khilaf atau tak lengkap dengan bertujuan untuk memperdayakan prinsipal berkenaan.”

Kesalahan Menyalahguna Kuasa atau Kedudukan untuk Kepentingan Diri -

Perbuatan menggunakan kedudukan, kuasa atau jawatan untuk kepentingan diri dan keluarga adalah menjadi kesalahan rasuah di bawah seksyen 2(1) Ordinan No. 22 Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970 yang secara ringkasnya bermaksud, “mana-mana anggota pentadbiran atau mana-mana Ahli Parlimen

atau Ahli Dewan Negeri atau mana-mana pegawai awam yang semasa menjadi anggota, ahli atau pegawai telah melakukan perbuatan rasuah apabila menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangannya atau apa-apa faedahnya yang lain.”

Pelbagai faktor dikaitkan mengapa seseorang itu melakukan perbuatan jenayah rasuah. Walau bagaimanapun, secara ringkasnya berdasarkan pengalaman pihak BPR, perbuatan jenayah rasuah berlaku disebabkan di mana seseorang ingin hidup mewah, ingin cepat kaya dan sentiasa mengejar kebendaan tanpa mengira halal haram. Apa yang dia pentingkan hanyalah nilai-nilai material dengan membuang jauh tanggungjawab sebagai seorang penjawat awam yang diamanahkan dengan kuasa dan pertanggungjawaban. Individu seperti ini tidak mahu mengambil kira langsung bahawa dengan melakukan perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa sebenarnya dia telah melakukan kezaliman, penganiayaan dan menafikan hak-hak orang lain atau memberikan hak sesuatu itu bukan kepada orang yang sepatutnya mendapat hak itu.

Sebagai contoh, oleh kerana seorang pegawai di Bahagian Bekalan menerima suapan secara rasuah, kontraktor yang sepatutnya dan layak membekalkan peralatan ketenteraan atau membekalkan makanan telah tidak dipilih. Perbuatan pegawai ini menyebabkan Kementerian Pertahanan atau Angkatan Tentera telah dinafikan yang terbaik, yang boleh dibekalkan oleh kontraktor berkenaan.

Allah subhanahu wata'ala telah berfirman, maksudnya:

“Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa pada hal kamu mengetahuinya”. [Surah Al-Baqarah, ayat 188]

Di samping itu, sikap hidup yang suka bermegah-megah hinggakan konsep seperti kata orang Perak, ‘biar pape asal bergaye’ menjadikan amalan. Menyara hidup pula melebihi pendapatan hinggakan terpaksa berhutang di sana sini, malah ada yang sanggup berhutang dengan chettiar dan loan shark, akhirnya akibat bebanan hutang, jenayah rasuah dilakukan.

Kurangnya penghayatan nilai-nilai murni.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat di sana minta laluan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mohon penjelasan, ada disebut tadi 'loan shark'. Boleh perelaskan apa itu 'loan shark'?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, 'loan shark' yang dikatakan ini daripada pihak yang memberi pinjaman, macam 'Along' tadilah, orang yang memberi pinjaman. Ini adalah.....

Tuan Yang di-Pertua: 'Shark' itu perkataan Inggeris.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya. 'Loan' itu pinjaman. 'Shark' itu perkataan Inggeris. 'Loan shark' ini berkait dengan rasuah, orang yang beri pinjaman secara tidak betul.

Tuan Hanipah bin Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ha, ada lagi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju tentang satu cadangan baru, kita masuk dalam sumber untuk mendapatkan hutang selain daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita masukkan satu lagi, iaitu kad kredit.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang membahaskan rang undang-undang yang menghuraikan punca-punca jenayah. Ini terpulang kepada Yang Berhormatlah, kalau dia fikirkan itu patut, dia boleh kemukakanlah.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih.

Kurangnya Penghayatan Nilai-nilai Murni -

Selain dari itu, kedangkalan ilmu-ilmu keagamaan, kurangnya penghayatan nilai-nilai murni dan hilangnya nilai-nilai akhlak yang baik, juga menjadi antara faktor yang menyebabkan seseorang itu bergelumang dalam jenayah rasuah.

Menurut seorang penulis, 'nilai' ialah 'belief about right and wrong', dengan izin. Manakala 'etika' pula ditakrifkan sebagai 'thinking systematically about moral and conduct and making judgement about right and wrong', dengan izin. Pendapat ini ialah daripada Carol W. Lewis, 'The Ethics Challenge In Public Services'. Kerendahan moral ditambah dengan nafsu yang tidak lagi dapat membezakan antara nilai-nilai yang baik dan buruk hingga menyetepikan nilai-nilai suci dalam agama, mendorong seseorang

itu melakukan pelbagai kemaksiatan dan jenayah. Justeru itu, individu seperti ini akan memperhambakan dirinya kepada nafsu yang mengongkong kehidupannya.

Kurangnya Penyeliaan oleh Pegawai Atasan -

Berdasarkan pengalaman BPR juga, kurangnya penyeliaan pegawai atasan akan menyebabkan mana-mana individu yang didorong oleh unsur-unsur yang tidak sihat akan mengambil kesempatan dari keadaan itu untuk melakukan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Kurangnya komitmen kepimpinan untuk mengenal pasti ruang-ruang yang boleh menyebabkan berlakunya perbuatan rasuah dan ditambah kepada wujudnya pemimpin yang takut untuk menjadi tidak popular menyebabkan keadaan akan tidak terkawal. Terlalu banyak penurunan kuasa tanpa pengawasan yang bijak oleh pegawai atasannya akan juga membuka banyak ruang berlakunya perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Kelemahan Peraturan atau Sistem Pelaksanaan Kerja -

Selain daripada itu, longgarnya tatacara dan peraturan kerja atau kelemahan dalam sistem pelaksanaan kerja itu sendiri boleh menyebabkan sesebuah jabatan agensi itu sentiasa terdedah dengan perlakuan-perlakuan seperti jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dan kakitangannya. Sekali lagi, komitmen kepimpinan khususnya dan sikap serta perasaan pertanggungjawaban semua kakitangan bagi memastikan ketelusan tatacara kerja dan sistem pelaksanaan kerja adalah sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan penyiasatan dan tangkapan seperti yang dibuat oleh pihak BPR, iaitu bagi pihak BPR telah menerima maklumat dari tahun 1991 hingga 1996 maklumat berkenaan rasuah ini ataupun laporan mengenai rasuah, iaitu berjumlah 48,203. Penyiasatan yang dibuat oleh pihak BPR hasil daripada maklumat itu daripada tahun 1991 hingga tahun 1996 pula ialah berjumlah 22,859 dan tangkapan yang dibuat daripada tahun 1991 hingga tahun 1996 pula ialah cuma 1,871 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita analisa maklumat yang saya berikan tadi jelas menunjukkan bahawa undang-undang ataupun Akta Pencegahan Rasuah yang telah ada itu tidak akan memberi kesan kepada usaha-usaha mengatasi masalah gejala rasuah ini. Saya ingin menyebutkan di sini, iaitu penggubalan undang-undang baru ataupun apa juga undang-undang tanpa penguatkuasaan yang berkesan tidak akan bermakna dan tidak akan memberi suatu kesan positif kepada pentadbiran kerajaan kita. Oleh yang demikian, saya ingin menyentuh berkenaan dengan akta yang

digubal ini, yang mana penekanannya diberi kepada untuk mengemaskinikan fasal-fasal yang telah ada, menambahkan fasal-fasal baru, meningkatkan hukuman-hukuman yang pada pendapat pihak BPR dan pendapat umum terlalu ringan sehingga boleh mempengaruhi orang mengulang membuat kesalahan rasuah dan yang ada juga fasal-fasal yang digugurkan kerana mungkin fasal-fasal itu tidak bermakna dari segi penguatkuasaan.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan bahagian permulaan akta ini yang mana memberi huraian di dalam perkara-perkara di muka surat 6, iaitu berkenaan dengan Badan Awam yang dimaksudkan. Badan-badan awam yang dimaksudkan dalam akta ini ialah Kerajaan Malaysia, kerajaan sesuatu negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain, mana-mana jabatan perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Malaysia, kerajaan sesuatu negeri atau sesuatu pihak berkuasa tempatan, mana-mana syarikat yang kuasa untuk mengawalnya terletak pada mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan A, B, C dan D tadi, iaitu di bawah Kerajaan Malaysia, kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan dan sebagainya yang mempunyai anak-anak syarikat, dan F mana-mana pertubuhan, kesatuan, organisasi atau badan yang ditetapkan oleh menteri dari masa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, takrif di dalam 'badan awam' ini adalah sangat penting, kerana kita dapati pada masa-masa kebelakangan mungkin bidang tugas pihak BPR dengan kerjasama bahagian penguatkuasaan lain seperti pihak polis, pihak Kastam, pihak Imigresen dan lain-lain kadang-kadang hanya tertumpu kepada sektor-sektor tertentu sahaja. Sedangkan rasuah ini berlaku di segenap pelosok dalam berbagai-bagai bidang, lebih-lebih lagi bila kerajaan melaksanakan dasar penswastan sekarang ini. Inilah yang menjadi rumit, kita dengar di merata-rata ceruk termasuk di kedai-kedai kopi, orang mengatakan terutama sekali orang-orang yang terlibat dalam bidang perniagaan mereka rasa rasuah ini sukar hendak dihapuskan. Kalau mereka hendak elak daripada rasuah, kata mereka mungkin mereka tidak dapat meneruskan perniagaan mereka. Rasuah adalah sebahagian daripada budaya dalam perniagaan. Tanpa rasuah mungkin perniagaan tidak berjalan. Inilah suatu budaya yang agak buruk yang boleh mencemarkan baik dari segi agama mahupun dari segi etika dan moral yang kita sekarang ini menekankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan perkara di muka surat 24, iaitu Fasal 20. Dalam Fasal 20 ini ramai di antara Ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh iaitu di

akta yang akan mensabitkan pihak-pihak yang memberi maklumat ataupun pihak-pihak yang membuat pengaduan. Saya bimbang di dalam keadaan kita cuba memperkemas Akta Pencegahan Rasuah ini, dalam masa yang sama rakyat akan berada di dalam keadaan serba salah. Kita janganlah jadikan akta ini sebagai perangkap yang akhirnya akan memerangkap orang-orang yang hendak membantu kerajaan untuk membasmi masalah rasuah ini.

Dalam akta ini kalau sekiranya pihak pegawai-pegawai di dalam Badan Pencegah Rasuah memanglah terdiri daripada orang-orang yang berpengalaman, yang mempunyai ilmu yang betul-betul menghayati etika dan betul-betul boleh membuat pertimbangan yang sebaik-baiknya. Tentulah unsur-unsur keadilan, iri hati untuk melakukan penganiayaan tidak akan berlaku. Tetapi kita tahu dalam keadaan yang sebegini sudah tentu akan menyulitkan orang awam, lebih-lebih lagi orang-orang yang menjadi mangsa perbuatan rasuah ini untuk memberi maklumat kepada pihak-pihak BPR ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama kita memang sedar kerajaan perlu mengadakan peruntukan ini kerana sekarang ini dan pada masa-masa yang lepas kalau kita ikuti rekod perbincangan berkenaan dengan penggubalan dan pindaan Akta Rasuah ini, pihak pembangkang mengambil kesempatan dan mengambil peluang untuk secara tidak langsung menjatuhkan kerajaan. Saya percaya penuh pihak pembangkang akan menggunakan kesempatan Akta Rasuah ini satu masa kelak untuk mencari jalan menjatuhkan kerajaan. Saya berani mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa rakyat di negara kita telah pun terbukti memberi kepercayaan dan keyakinan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sekarang kita sudah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos ini genap 40 tahun, dan rakyat masih terus memberi mandat kuasa lebih daripada 3/4 kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Ini menunjukkan apa juga akta yang kita buat masih lagi boleh diterima oleh rakyat umum, kecuali parti pembangkang. Kita berharap parti pembangkang PAS yang mengikut apa yang saya baca dalam buku kajian yang kita buat terdiri daripada orang-orang yang keciwa dalam perjuangan. Inilah parti-parti serpihan daripada parti UMNO yang menggunakan agama untuk kepentingan politik, janganlah terikut-ikut dengan parti DAP. Kita tahu parti pembangkang bukan ada kerja lain. Kerja mereka ialah hendak kritik apa yang kerajaan buat, sedangkan apa yang mereka nikmati sejak daripada kemerdekaan sehingga sekarang ini adalah hasil daripada perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional....

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Oleh itu, saya suka mengingatkan - Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri laluan. Ini mengikut peraturan mesyuarat, kalau saya yang sedang membahas tidak memberi laluan, maka dia tidak boleh bercakap. Kalau dia hendak bercakap tunggu selepas saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan saya ini bukanlah satu dakwaan yang ingin menimbulkan sesuatu fitnah kepada sesuatu pihak, tetapi adalah terbukti. Misalannya, pada suatu hari saya mendengar seorang wakil yang baru masuk mengatakan pembangunan di Kuala Nerang terlalu teruk, sedangkan memang beliau adalah berasal daripada Kuala Nerang, tetapi dia pergi duduk di Kelantan. Tempoh masa beliau pindah dari Kuala Nerang pergi ke Kelantan itu telah lama, dan mungkin dia sendiri tidak peka, tidak tahu apa perkembangan yang berlaku di Kuala Nerang. Ini menunjukkan bahawa beliau sengaja membawa isu-isu untuk memburukkan imej kerajaan. Satu lagi katanya, kepercayaan terhadap Peguam Negara itu sudah mula tercabar. Jadi, kerajaan mempunyai Parlimen, kerajaan mempunyai Dewan Rakyat, kerajaan mempunyai Dewan Negara dan di peringkat negeri pula kerajaan mempunyai Dewan Undangan Negeri. Kita adalah peringkat pembuat dasar, dan kita ada beberapa peringkat mahkamah di mana kita boleh melalui proses undang-undang.

Oleh sebab itu, dakwaan mempertikaikan orang itu tidak adil, orang ini tidak adil, sekiranya satu masa nanti parti-parti ini berkuasa sepertimana yang mereka berkuasa di Kelantan sekarang ini, Menteri Besar Kelantan sendiri apabila ada dakwaan bahawa Kerajaan Kelantan membiarkan hutan-hutan digondol, penerokaan pembalakan dibuat secara haram, apa yang dia jawab - “Kita tidak boleh buat apa-apa, pegawai tidak beritahu”. Itu baru satu negeri, negeri Kelantan. Bagaimana kalau kita tadbirkan satu Malaysia, kawasan yang lebih besar. Oleh sebab itu, biarlah kita bercakap benda yang agak logik dan munasabah. Janganlah kita pertikaikan kewibawaan orang semata-mata kerana kita hendak mengkritik sebagai parti politik. Biarlah alasan kita itu lebih rasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan pihak kerajaan iaitu Perkara 20 ini janganlah sekali-kali menimbulkan kesulitan dan ketakutan kepada orang-orang awam untuk memberi maklumat ataupun membuat aduan tentang berlakunya rasuah.

Saya juga ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan, adakah pihak BPR hanya akan mengambil tindakan, membuat siasatan dan sebagainya apabila menerima aduan ataupun maklumat daripada seseorang individu ataupun mana-mana pihak. Apakah pihak BPR tidak boleh membuat penyiasatan terhadap sesuatu keadaan yang menimbulkan keresahan orang awam, misalannya baru-baru ini kita dengar di Johor berlaku penyelewengan di dalam satu badan pertubuhan yang memungut wang akhirnya wang itu disalahguna.

Begitu juga di negeri Selangor berlaku penyelewengan dan pecah amanah dan akhirnya pihak tertentu memecat pegawai yang berkenaan dan memberi arahan dan tindakan yang diambil ini sudah tentu dari segi kuasa-kuasa pentadbiran, tetapi perkara-perkara yang semacam ini adakah di dalam pengetahuan dan tindakan pihak BPR? Inilah yang menjadi tanda tanya saya supaya pihak BPR ini tidak hanya bergantung kepada aduan dan maklumat yang diberi oleh orang perseorangan. Mereka boleh menggunakan kuasa, menjalankan penyiasatan. Sekarang ini peluang untuk melakukan rasuah, melakukan penyelewengan pecah amanah itu lebih luas lagi apabila kita laksanakan dasar penswastan. Banyak hal boleh berlaku dalam pasaran saham, banyak hal boleh berlaku dalam syarikat-syarikat konsesi, dalam Telekom, dalam PLUS dan sebagainya.

Sekarang ini gaji pegawai-pegawai eksekutif, kemudahan yang mereka dapat begitu lumayan dan akhirnya bila hendak menampung balik kos itu terpaksa bebankan tarif kepada orang awam. Ini juga adalah gejala-gejala rasuah yang terlibat dalam salah guna kuasa dan menyalahgunakan hak-hak awam. Kalau duit itu duit mereka sendiri, kita tidak kisah, ini kerajaan memberi konsesi yang

melibatkan kemudahan awam. Inilah soalan yang saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan.

Saya tidak perlu sebut dalam banyak perkara-perkara lain dari segi pemberian tender dalam Telekom, dari segi pemberian tender dalam Tenaga Nasional Berhad, dari segi pemberian tender dalam Keretapi Tanah Melayu Berhad selepas ini, dari segi pemberian tender dalam pembangunan Putrajaya, KLIA, lapangan terbang baru dan banyak lagi pelabuhan dan sebagainya.

Perkara yang semacam ini kadang-kadang rumit bagi orang awam untuk mengetahui sedangkan mereka eksploitasikan keadaan, inilah masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dok dengar atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: **Ya, dengar!**

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Ha, terima kasih. [Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masalah

Tuan Yang di-Pertua: **Tetapi kalau saya tidak dengar pun ada orang menulis!**

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Ya, ya. Saya percaya masalah rasuah ini adalah masalah yang cukup serius. Masalah yang boleh merosak, boleh menjejaskan ekonomi sesebuah negara, masalah yang boleh merosakkan akhlak dan akidah, masalah yang boleh menambah kucar-kacirkan gejala sosial negatif, masalah yang akan membantu kepada masalah dadah, masalah yang akan membantu kepada ancaman terhadap keselamatan negara, inilah perkara yang harus diperangi.**

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, maka kita perlu memberi penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada semua rakyat. Akta Pencegahan Rasuah

ini tidak seharusnya hanya diketahui oleh pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah sahaja, akta ini perlu diberi penjelasan, diberi penerangan dan diberi didikan. Oleh sebab yang demikian, saya mencadangkan supaya pihak Badan Pencegah Rasuah, yang pertama sekali menambahkan anggota-anggotanya supaya mencukupi dalam bidang penguatkuasaan dan ke arah ini, pihak Badan Pencegah Rasuah mempunyai pilihan ataupun alternatif iaitu dengan menggunakan pegawai-pegawai yang ada di dalam sektor polis, menggunakan pegawai-pegawai yang ada di dalam badan Kastam, menggunakan pegawai-pegawai di dalam agensi-agensi lain yang mana sudah mempunyai pengalaman di dalam bidang-bidang tertentu. Dan dalam masa yang sama pihak Badan Pencegah Rasuah boleh merekrut, mengambil pekerja-pekerja baru dan memberi kursus-kursus yang lebih khusus berkenaan dengan bidang tugas mereka.

Begitu juga pihak BPR perlu mengenalpasti kelemahan dan juga kekuatan yang ada di dalam badan BPR itu sendiri, saya yakin oleh kerana pegawai-pegawai di dalam BPR ini adalah juga manusia biasa, mereka ini mempunyai perasaan, mempunyai keinginan, orang pakai kereta besar, pegawai BPR pun dia mahu juga kalau boleh, orang kahwin dua, kalau yang Islam hak yang boleh kahwin, dia pun teringin hendak kahwin dua.

Jadi, oleh sebab itu, sudah tentulah pihak pentadbiran di dalam BPR tidak boleh elak supaya pengawasan ini dibuat secara berterusan, janganlah bila timbul rungutan mengatakan bahawa ada pegawai BPR terlibat dengan pecah amanah dengan penyelewengan, barulah timbul usaha hendak membuat siasatan. Macam sekarang ini, bila dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merungut fasal sampah, fasal kotor, semua agensi, kementerian, pihak-pihak lain buat komen, TV

pun semacam pergi minta komen daripada orang ramai, orang ini pun kata itu, sehinggalah akta baru akan dibawa ke dalam Parlimen.

Perkara yang semacam ini tidak sepatutnya berlaku, kita hendaklah meneruskan kerja kita sepanjang masa berterusan, bukan kerana apa supaya keadaan ini berjalan dengan baik. Begitu juga BPR, tempat-tempat, agensi-agensi yang sensitif seperti ini mereka hendaklah sepanjang masa kena ada check and balance. Malah kalaulah pegawai-pegawai di dalam BPR sendiri tidak diberi perhatian, tidak diawasi kalau mereka ini sendiri sudah ada gejala-gejala, unsur-unsur yang hendak terlibat dengan rasuah, sudah tentu mereka tidak boleh untuk mengambil tindakan di pihak-pihak lain yang akan melakukan rasuah.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak BPR juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain, maksud saya kerjasama ini ialah dalam memberi penerangan, membuat, mengadakan ceramah, mengadakan seminar dan sebagainya. Sekarang ini orang awam mengetahui maklumat berkenaan dengan Akta Pencegahan Rasuah ini terlalu sedikit sehingga mereka tidak tahu apa peranan mereka, sedangkan maklumat ini boleh tolong disebarkan melalui Jabatan Penerangan, melalui media yang ada sekarang ini. Misalannya di stesen bas, stesen kereta api, di lapangan terbang, pihak RTM boleh menggunakan media elektronik ini untuk waktu-waktu yang orang awam sedang menunggu itu melihat sekali sekala diletak di situ, rasuah adalah pemusnah hidup, rasuah adalah jelek dan sebagainya dan tunjuk contoh perlakuan rasuah yang tidak boleh dibuat dan beri maklumat apa jenis rasuah, cara-cara mengelakkan rasuah, pihak yang bertanggungjawab.

Begitu juga menggunakan institusi agama, membaca khutbah sebulan sekali yang ada kaitan dengan masalah perbuatan rasuah ini. Dan begitu juga

menggunakan JKK, badan-badan awam, badan-badan NGO supaya mereka juga sentiasa mempunyai maklumat berkenaan dengan Akta Pencegahan Rasuah. Tetapi sekarang ini kita dapati usaha-usaha untuk memberi penjelasan berkenaan dengan akta ini amat kurang sekali, risalah-risalah yang boleh didapati pun amat kurang, kecuali kalau orang itu pergi ke tempat-tempat khusus baru dia boleh dapat.

Kadang-kadang kita serba salah, ada benda yang dikatanya tidak transparent, tidak telus, ada benda yang dikatakan boleh, saya tidak tahu yang mana satu betul, yang mana satu tidak betul, tetapi di dalam hal benda-benda yang boleh membantu orang awam untuk membantu agensi itu, saya anggap itu bukannya satu rahsia kecuali maklumat-maklumat yang berkaitan dengan perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan supaya pihak BPR ini menyarankan kepada pihak Kementerian Pendidikan menggunakan institusi yang sedang ada, sekolah, pihak swasta dan sebagainya untuk memberi didikan melalui kanak-kanak, pelajar-pelajar di sekolah ini mengenai Akta Pencegahan Rasuah ini, perkara yang melibatkan kesalahan dari segi rasuah.

Pihak BPR juga hendaklah menggunakan program khas atau ruangan khas di dalam akhbar-akhbar, misalannya sekarang ini kita melihat sukan, pendidikan, mereka adakan ruangan khas, BPR juga mengapa tidak mengadakan ruangan khas di dalam akhbar-akhbar harian itu berkenaan dengan soal jawab BPR, di dalam TV adakan kuiz bersangkutan dengan perkara yang terlibat dengan rasuah dan adakan insentif supaya orang-orang ini lebih peka dan lebih sensitif kepada perkara ini.

Satu lagi yang saya agak penting ialah mana-mana kes siasatan yang dibuat sama ada kes daripada peringkat negeri, Persekutuan, agensi awam, badan-badan NGO, pihak swasta dan sebagainya hendaklah dipercepatkan. Kadang-kadang kalau sekiranya kita tidak boleh elaklah pegawai-pegawai dalam BPR ini ada kaitan dengan eksekutif yang duduk di dalam syarikat awam dan sebagainya, bila dia lihat yang ini terlibat sedikit dengan dia, cari jalan lambat-lambat, langkah-langkah dan cari jalan kalau boleh jangan dapat maklumat yang boleh membawa dia ketengah. Ini satu gejala yang tidak baik.

Inilah salah satu punca selain daripada proses pengadilan di mahkamah itu yang lambat, yang mungkin kerana kekurangan kakitangan kerana pegawai yang diberi tanggungjawab itu sendiri tidak mengambil inisiatif, tidak menjalankan tanggungjawab dengan betul, tidak menyegerakan. Jadi, kalau kes yang dibawa dalam tahun 80-an sampai sekarang pun belum selesai lagi, akhirnya orang yang hendak didakwa itu meninggal dunia, maknanya dia membuat suatu kesalahan yang akhirnya mahkamah tidak boleh membuat keputusan, duit ringgit harta awam pun sudah hangus dan habis begitu sahaja tetapi tidak ada satu keputusan.

Ini lama kelamaan akan mengurangkan keyakinan rakyat, keyakinan orang ramai. Bila rakyat sudah hilang keyakinan terhadap kewibawaan proses undang-undang ini, maka itulah yang mendorong kepada berlakunya rasuah semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya pihak BPR sama ada pihak yang mempunyai kuasa di dalam bidang perundangan dan juga kuasa pentadbiran hendaklah memberi perhatian yang serius, hendaklah mengambil tindakan yang setimpal, yang sewajarnya. Janganlah seperti yang saya

sebutkan tadi, bila orang itu menyeleweng duit sebanyak RM40 juta, akhirnya tindakan pecat dia dan cari jalan dengan tiada satu ikatan, suruh bayar balik, kalau dia tidak bayar balik pun ambil duit peruntukan di mana-mana ganti balik dilupuskan duit itu. Ini adalah satu tindakan yang saya rasa tidak memberi kesan positif kepada kes-kes yang berlaku ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut juga di sini berkenaan dengan peraturan di muka surat di bawah bahagian 4 di muka surat 7 iaitu Fasal 22. Fasal 22 menyebut:

“22.(1) Tiap-tiap aduan yang berhubungan dengan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dibuat secara lisan atau bertulis kepada seseorang pegawai Badan dan jika dibuat secara lisan, aduan itu hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis dan dibacakan kepada orang yang membuat aduan itu; dan tiap-tiap aduan, sama ada bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis, hendaklah ditandatangani oleh orang yang membuat aduan itu.”

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada fasal yang menyebut setiap aduan sama ada yang bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis hendaklah dicatat di dalam satu buku yang disimpan di pejabat Badan Pencegah Rasuah hendaklah dilampirkan pada catatan ini, tarikh dan masa aduan itu dibuat dan dianggap sebagai satu rahsia, sulit tetapi sebagai manusia biasa betapa sulit pun dianggap sulit akhirnya akan bocor juga.

Oleh itu saya rasa Fasal ini menimbulkan keraguan kepada orang-orang yang hendak memberi maklumat sebab dia hendak kena tandatangan. Dia sudah beri butir maklumat itu perlu tandatangan untuk hendak mengesahkan. Kalaulah akta ini tidak mengenakan syarat

tandatangan itu, sekadar dapat maklumat nama orang dan sebagainya dianggap sulit, ini adalah lebih praktikal dan lebih sesuai. Saya tidak tahulah dari segi undang-undang kalau tidak ditandatangani itu tidak boleh diambil kira tetapi yang saya faham undang-undang ini kita yang buat, bukan Quran, bukan daripada kitab Allah. Kalau kita yang buat, kalau kita mengesahkan maklumat diberi dan kalau kita boleh rakam dan sebagainya boleh diterima, saya ingat itu mungkin memadai tetapi keperluan untuk menandatangani ini perlu ditimbang dan dikaji semula.

Perkara Fasal 22 cerai (3) itu berbunyi;

“(3) Jika seseorang pegawai Badan mempunyai sebab untuk mengesyaki pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini berikutan dengan suatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau maklumat yang diterima selainnya olehnya, dia hendaklah menyebabkan penyiasatan dibuat dan bagi maksud itu boleh menjalankan segala kuasa penyiasatan yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan Kanun Tatacara Jenayah”.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam Fasal 20 tadi, kerajaan mempunyai alasan-alasan yang tertentu sebab Fasal 20 tadi, kerajaan hendak elak daripada pihak-pihak seperti yang saya kata tadi parti pembangkang untuk buat tuduhan melulu yang akhirnya kerajaan akan terperangkap. Oleh sebab itu kemungkinan Fasal 22 ini ada kaitan yang bersangkutan dengan itu tetapi macam saya sebut tadi, janganlah kita buat akta jadi perangkap untuk kita sendiri. Kita dalam dilema, hendak melaksanakannya kadang-kadang dia rasa sulit, ini menyulitkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal yang berikut iaitu Fasal 22 cerai (4) iaitu:

“(4) Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat perhatian pihak kerajaan, kes-kes yang dibawa kepada pengaduan pihak BPR ataupun kemungkinan akan dibawa kepada pendakwaan di mahkamah, seboleh-bolehnya janganlah dibenarkan disiarkan melalui akhbar.

[Timbalan Yang di-Pertua *Mempengerusikan Mesyuarat*]

Sekarang ini undang-undang terlalu longgar, dakwaan dibuat mengatakan pihak sianu, sianu terlibat dengan rasuah. Belum lagi dakwaan dibawa ke mahkamah dan dibicarakan dan belum tahu lagi sama ada orang yang didakwa itu salah ataupun tidak tetapi akhbar dan radio telah menghebahkan kepada orang luar. Ini adalah bercanggah dengan prinsip keadilan dan dari segi undang-undang dan mungkin selepas itu pula, pihak-pihak yang kena dakwa ini akan cari siapa yang beritahu, siapa yang terlibat - ini menimbulkan masalah, kesulitan dan ketakutan kepada pihak yang hendak memberi maklumat. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, akta ini perlu mengambil kira supaya kes-kes di dalam pertuduhan di peringkat penyiasatan janganlah diberitahu kepada awam sama ada melalui akhbar ataupun apa-apa juga bentuk media yang boleh menjejaskan kredibiliti kes itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perkara yang banyak berlaku sekarang ini yang memerlukan penguatkuasaan yang berkesan. Seperti yang saya sebut tadi kalau kita lihat daripada data maklumat yang saya beri, sebelum akta ini digubal semula dan diperkemaskan, ditingkatkan hukuman dan sebagainya pada masa-masa yang lepas dalam hal-hal yang lain pun kadang-kadang kita merasa ragu-ragu sama ada kelemahan penguatkuasaan ataupun kekurangan akta itu sendiri - undang-undang itu sendiri. Undang-undang itu tidak lengkap ataupun orang yang diberi tugas dan diberi peranan untuk penguatkuasaan itu tidak menjalankan tugas, yang mana satu yang betul kita perlu fikirkan cara bersama. Oleh sebab itu tidak ada makna penggubalan akta baru ini sekiranya usaha-usaha bagi menentukan penguatkuasaan itu dapat dilaksanakan dengan cara yang paling berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi kalau kita buat satu kajian dan kalau boleh kita mintalah kerajaan gunakan agensi yang ada sekarang ini, buat satu kajian, buat satu tinjauan daripada rakyat umum, daripada rakyat biasa di luar bandar, daripada peniaga-peniaga kecil, daripada penuntut-penuntut sekolah, daripada golongan-golongan perkhidmatan awam dan swasta mengenai masalah yang berkait dengan masalah rasuah ini. Apabila kita buat tinjauan, pihak BPR akan mendapat suatu tanggapan, kedudukan mengenai rasuah ini di mana. Apa kelemahan yang saya sebutkan tadi, apa kelemahan yang didapati, apa kelebihan yang didapati,

apa yang harus dibuat. Jadi kalau ini dibuat secara tidak langsungnya barulah kita boleh cari satu jalan yang berkesan bagi mengatasi masalah ini.

Oleh sebab itu tidak ada makna kerajaan membelanjakan wang yang begitu banyak sedangkan pelaksanaan penguatkuasaannya kurang berkesan dan akhirnya menimbulkan masalah lain pula. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya pihak kerajaan sama ada BPR itu sendiri ataupun agensi-agensi lain di bawah Jabatan Penerangan dan sebagainya, mengeluarkan satu buku panduan khas yang boleh disebar, diedarkan kepada orang-orang awam supaya mereka ini mendapat panduan mengenai perkara-perkara yang senang yang bersangkutan dengan Akta Pencegahan Rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Akta Pencegahan Rasuah ini suatu akta yang tidak perlu dipinda terlalu banyak dari masa ke semasa. Kalau kita perhatikan pada tahun seperti yang saya sebut dahulu, masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu pindaan menukar daripada Biro Siasatan Negara kepada Badan Pencegah Rasuah, dia hanya menukar nama, lepas itu dimasukkan beberapa Fasal dari segi hendak memperkemas dan sekarang ini pun kita tingkatkan hukuman. Memanglah hukuman ini patut ditingkatkan, kalau dulu dikenakan denda RM5000, sekarang ini nilai RM5000 semasa undang-undang ini dibuat sudah menjadi hampir-hampir RM25,000. Sebenarnya bukan ditingkat, dari segi nilai mata wang pada waktu itu RM5000 memang cukup tinggi tetapi sekarang kalau kita nilai RM5000 tahun 60-an dahulu dengan sekarang, sekarang sudah menjadi RM13,000. Sebenarnya saya sendiri meragui sama ada peningkatan dari segi hukuman ini berlaku peningkatan ataupun sama taraf dengan waktu undang-undang itu diluluskan dahulu. Oleh sebab itu kalau boleh hendaklah ditingkat lebih tinggi lagi supaya ia menjadi seratus kali ganda daripada masa dahulu sebab tidak adil, kadang-kadang ia melibatkan wang berjuta-juta ringgit, kemudian dipenjarakan lima tahun denda RM50,000 ataupun RM100,000 sedangkan duit yang dia pecah amanah hampir RM3 juta, RM4 juta - dia ambil duit itu dia masuk akaun, dia labur di mana-mana, lepas itu dia masuk penjara, duit dok ada, bila dia keluar besok anak isterinya duduk senang lenang.

Sekarang ini berapa banyak orang yang terlibat dengan masalah jenayah ini masih boleh hidup dalam keadaan mewah, kononnya diisytiharkan sebagai muflis tetapi dalam keadaannya yang sebenar ia masih hidup mewah. Inilah yang kita katakan kelemahan dari segi undang-

undang dan kerajaan seharusnya bukan setakat bawa pergi mahkamah dalam bentuk tulisan jatuh hukuman. Dia kena adakan penguatkuasaan perhatikan keadaan hidup orang itu berterusan dalam keadaan yang sepatutnya mufliis, bukan hanya dicatat sahaja tetapi hidup sebenar dia pun mesti keadaan begitu. Kalau dia hidup dalam keadaan mewah, dia boleh dipersoal dan dipertikaikan semula di mahkamah. Inilah proses undang-undang yang dikatakan adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah banyak menyentuh berkenaan dengan masalah rasuah ini. Apa yang menjadi harapan saya ialah supaya masalah rasuah ini diberi perhatian oleh semua lapisan masyarakat tidak kiralah sama ada dia orang Islam, bukan Islam, orang miskin ataupun orang kaya, parti pembangkang ataupun penyokong kerajaan, ia adalah isu yang bersangkutan dengan kehidupan manusia sejagat.

Kalau benda itu dianggap rasuah, maka tidak kira sama ada dia masyarakat yang di luar bandar ataupun dalam bandar tetapi malangnya kadang-kadang orang-orang yang elit ini, golongan-golongan yang ada kepentingan di dalam syarikat-syarikat swasta dan sebagainya mereka mengubah perkara yang rasuah itu tidak menjadi rasuah lagi.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan - sebelum saya akhiri perbahasan saya, berkenaan dengan rasuah dari segi memberi sumbangan kepada badan-badan NGO. Kita dengar akhir-akhir ini banyak sangat pihak syarikat yang mungkin - saya kata mungkin, bukan pasti - melakukan sesuatu kesalahan di peringkat negeri ataupun kerajaan tempatan dan sebagainya, apabila didapati benda itu sudah salah dan mungkin tindakan akan diambil, tiba-tiba dia pergi berkira atas nama Yayasan Salamkah, atas nama badan kebajikan anak yatimkah, atas nama apakah, dia hendak beri sumbangan RM50,000 sedangkan duit yang dia beri itu duit rasuah, duit yang dia buat benda-benda yang bercanggah dengan undang-undang. Ini juga perlu diambil kira. Sekarang ini banyak pihak tubuh yaysan, saya tidak tahulah kelebihan tubuh yaysan itu, dia bubuh nama yaysan kot dapat saham percuma sekian banyak, dapat derma sekian banyak, orang-orang yang dapat duit tidak betul ini dia boleh beri kepada yaysan, padahal yaysan dia itu salah satu tujuannya hendak buat kerja kebajikan, buat kerja baik-baik tetapi bila terima duit yang tidak betul, duit yang haram, duit yang tidak elok, maka kerja yang baik pun jadi tidak baiklah. Oleh sebab itu Badan Pencegah Rasuah kena ambil kira, perhatikan.

Begitu juga pihak-pihak yang hendak dapat bintang, pingat dan sebagainya. Sekarang ini 'Datuk' boleh beli, 'Tan Sri' boleh beli - ada duit banyak sahaja dapatlah 'Tan Sri', dapatlah 'Datuk' sebab besok tiket itu akan menjadi tiket - ini juga adalah rasuah. Oleh sebab itu paling susah sekali hendak classify, hendak kenal pasti orang-orang yang buat di peringkat yang lebih rumit macam ini. Yang dok kena sekarang ini driver taxi, peniaga-peniaga kecil, pihak polis trafik dengan orang awam yang membawa lori dan sebagainya. Yang itu yang diheboh-hebohkan, yang menjadikan isu yang penting sedangkan benda-benda rumit yang saya sebut tadi, yang berlaku cara berleluasa melalui padang golf, kelab dan sebagainya - tempat orang awam tidak boleh pergi ini, pemberita pun susah hendak berjumpa ini, tempat ini dibiarkan berlaku dengan begitu bebas sekali. Ini adalah tidak adil. Kalau kita biarkan keadaan ini berlaku secara berleluasa alamat suatu masa nanti kita akan menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan kemungkinan pegawai-pegawai seperti di dalam polis, imigresen, kementerian-kementerian tertentu yang ada kuasa hendak beri tender, hendak beri saham dan sebagainya terlibat dalam rasuah. Dan begitu juga orang-orang yang diberi amanah untuk pegang jawatan-jawatan penting dalam yayasan, agensi-agensi kerajaan seperti Yayasan Islam, Perbadanan-perbadanan Awam yang kerajaan boleh beri peruntukan. Kadang-kadang orang ini apabila kerajaan beri peruntukan saham 100 lot, 1000 lot dan sebagainya, orang ini diberi kuasa penuh untuk buat arrangement - buat urusan dengan mana-mana bank yang boleh beri pinjaman untuk beli, lepas itu cari jalan jual, tampung balik, kemudian yang lebih itu 'songlap'- agih sesama sendiri. Saya tidak tahu sama ada BPR ataupun juruaudit awam mengenal pasti perkara ini. Perkara ini pasti berlaku. Kita tidak mahu perkara yang semacam ini senyap begitu sahaja. Ini adalah wang awam, hak kepentingan rakyat, sedangkan bila diberi boleh. Kadang-kadang kita tengok ada pihak-pihak tertentu mencagarkan saham yang diberi kepada agensi atau yayasan kepada pihak 'remisier' dan sebagainya kemudian dia boleh ambil collateral, dia boleh main pula - buat duit di atas saham yang dicagarkan itu. Kemudian dia cari jalan beli cari hak murah sedikit, naik harga sedikit jual saham orang, buat duit! Ini juga adalah perkara yang terlibat dengan rasuah - salah guna kuasa.

Saya tidak tahu sama ada pihak BPR mempunyai pengalaman ataupun mempunyai kemampuan dari segi hendak siasat kes-kes macam ini dan kita tahu sekarang ini kerajaan kita

membenarkan padang golf yang begitu banyak di seluruh negara. Kalau tidak silap saya, kalau kita nilai, kita kaji balik.....

Timbalan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat, saya ingat pendekkan sedikitlah. Ramai Yang Berhormat lain hendak bercakap lagi. Kalau boleh pendekkan ucapan.**

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat macam itu, kita tidak mahu dianggap Dewan Negara ini menjadi 'rubber-stamp', jadi sebab itu saya hendak ambil peluang, bukan saya seronok bercakap - kerana ada isu hendak bercakap tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua mahu saya berhenti saya akan berhentilah.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Bukan, pendekkan sedikit Yang Berhormat.**

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Ya, ya. Kalau saya berhenti pun kalau orang lain tidak hendak bercakap, tiap-tiap kali saya dengar kawan saya suruh saya bercakap baik sampai ke hari akhir tetapi tidak apalah, saya akan ikut, ini kuasa Tuan Yang di-Pertua. Insyallah, saya akan pendekkan.**

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Amboi, mentang-mentang parti pembangkang, saya tidak beri laluan. Tunggu sekejap. Tuan Yang di-Pertua**

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Tidak boleh! Kalau saya bercakap, saya tidak beri laluan bukan kata pembangkang hak kerajaan pun tidak boleh bercakap, kalau Tuan Yang di-Pertua pun tidak benar ikut Standing Order.**

Tuan Yim Chee Chong: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Tidak boleh, saya tidak beri laluan sehingga saya tamat. Ini Standing Order - Peraturan sehingga Tuan Yang di-Pertua sudah peka, dulu kita tidak pernah kisah benda ini kecuali ada benda-benda yang dia hendak minta penjelasan.**

Tuan Yang di-Pertua, sebagai hendak mengakhiri perbahasan saya ini, apa yang saya sebut tadi saya berharap akan mendapat perhatian yang serius oleh pihak kerajaan dan janganlah kita buang masa membahaskan satu rang undang-undang yang penting, pada akhirnya tidak boleh menyelesaikan masalah.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat Tuan Haji Sairin, silakan.**

4.31 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah atas pembentangan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ramai rakan Yang Berhormat telah menyentuh dengan panjang lebar sama ada pandangan, cadangan dan pengajaran akibat gejala rasuah dan saya juga di Dewan yang mulia ini akan turut sama dalam membahasnya.**

Pada abad ke-17, British membangun dari segi perdagangan, kemudian di abad ke-19 ianya menjadi sebuah kuasa industri dan pada masa itu jugalah rasuah telah mula berleluasa dan mengharu-birukan kerana perkembangan ini. Amerika Syarikat juga di abad ke-19 dan 20, pertumbuhan pesat telah menyuburkan amalan-amalan rasuah. Korea dan Jepun, India dan Pakistan dan pelbagai negara lagi pemimpinnya sering bertukar ganti dan beberapa negara di dunia akibat gejala rasuah yang menular hingga ke peringkat pemimpin dan akar umbinya.

Kejatuhan tentera Rome semasa peperangan di Lautan Cyprus, antara sebab kekalahannya kerana 50% daripada tenteranya telah memberi rasuah kepada ketua tentera dan akhirnya mereka tewas.

Dalam satu interview eksklusif dengan *Far Eastern Economic Review*, 60% pegawai-pegawai yang diinterview menyatakan pelabur-pelabur takut datang ke China, Vietnam, Myanmar disebabkan oleh gejala rasuah yang berlaku di tempat-tempat berkenaan.

Negara kita Malaysia yang telah terkenal dengan pertumbuhan ekonomi yang begitu memberangsangkan tahun demi tahun dan tidak dapat dinafikan telah lahirlah bibit-bibit rasuah yang terbukti dengan teruknya beberapa orang yang terlibat dengan gejala rasuah walaupun ianya masih dianggap kecil berbanding dengan negara-negara yang lain. Gejala rasuah yang jijik, yang terkutuk, yang telah disedari dari awal dan hari ini apabila lulusnya rang undang-undang ini, mudah-mudahan akan berkuranganlah gejala ini, kalau dapat pun dihapuskan sehingga ke

akar umbinya sekali. Memang kata pepatah orang tua-tua, 'mencegah lebih baik daripada mengubat' dan 'kalaupun hendak melentur buluh, biarlah daripada rebungunya'.

Untuk itu, saya turut ingin mencadangkan supaya kerajaan melalui kementerian membentuk satu kurikulum antirasuah dan ianya diperkenal di peringkat sekolah asas, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian-pengajian tinggi. Sudah tentu ilmu keagamaan dengan berpaksi kepada kalimah Allah, '*innaddina indallahil Islam*' turut diajar kepada semua lapisan masyarakat tanpa ragu-ragu kerana terbukti negara kita makmur antara sesama kita. Perpaduan yang sedia ada telah diolah sebegitu rupa dan ditambah dengan agama Islam sebagai agama rasmi meskipun agama-agama lain juga bebas mengamalkan agama masing-masing.

Yang kedua, saya juga turut mencadangkan supaya ahli-ahli politik, ahli-ahli korporat swasta termasuk kakitangan awam diberi kesedaran tentang rasuah secara konsisten, input-input keagamaan, kerohanian, kefahaman ketatanegaraan yang boleh memperkukuhkan ketahanan diri dan mempertebalkan iman masing-masing.

Yang ketiga, saya juga turut mencadangkan agar ahli-ahli baru yang diambil yang melibatkan RM3 juta dengan pengambilan lebih kurang 237 kakitangan ini, mintalah supaya latar belakang mereka ini diperiksa, disiasat khususnya pegawai-pegawai penyiasat, termasuklah latar belakang keluarga, berimankah atau tidak beriman, nipiskah, tebalkah imannya dan apa juga yang boleh memberi keyakinan kepada masyarakat ramai. Pengambilan 10 orang pendakwa raya, sekarang ini cuma 2 orang, diadakan ujian khas seperti barangkali di negara-negara moden ada ujian sama ada orang itu pembohong ataupun bercakap benar, beriman, amanah, kalau ada anggota-anggota polis yang mempunyai rekod cemerlang dan layak, maka ianya bolehlah dipertimbangkan. Sudah tentu gaji mereka juga perlu dikaji dari segi prospek tugas-tugas khas.

Tuan Yang di-Pertua, kempen non-stop bagaimana cara kita memerangi komunis satu ketika dahulu, saya masih ingat sehinggakan kapal-kapal terbang digunakan, pesawat-pesawat ringan digunakan untuk menaburkan risalah-risalah antikomunis pada waktu itu. Hari ini dadah dan AIDS sampailah masanya kempen antirasuah ini juga kita buat secara berhabis-habis dan diadakan rasuah jijik, rasuah haram dan pelbagai kata nista yang perlu disebarluaskan sehingga ia merasa jijik kepada orang yang membaca dan memahaminya.

Saya ingin mencadangkan supaya di tempat-tempat strategik dan rasuah mudah berlaku dibubuh label atau tanda ingatan Rasuah Musuh Negara, Anda Rasuah Anda Binasa, Ingat Nasib Anak-anak dan Isteri, Ingat Ajaran Agama dan sebagainya. Saya rasa ini perlu kita buat. Barangkali kalau ada di antara rakan-rakan yang pernah ke Tanah Suci, perjalanan daripada Jeddah ke Madinah, apabila kita menaiki kenderaan kadang-kadang kita terlupa bagi mereka yang beragama Islam apabila apa juga yang kita buat terutama yang baik-baik, kita kena mulakan dengan 'Bismillah'. Kita akan terlihat ingatan di kiri kanan jalan sejauh lebih kurang 400 kilometer, terdapat ayat-ayat atau kalimah-kalimah suci seperti Allahu Akhbar, Subhanallah dan sebagainya. Jadi saya percaya papan-papan tanda atau apa juga namanya seperti ini bila diadakan di mana-mana tempat strategik di seluruh negara, ianya akan memberi kesan mendalam terutama kepada anak-anak dan kepada generasi secara menyeluruh.

Kempen berhabis-habisan ini perlu ditangani oleh semua golongan, termasuklah media massa seperti Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), TV3, Kementerian Penerangan, KEMAS, ketua-ketua kampung, ketua-ketua masyarakat, JKKK dan kita semua yang hadir di sini. Memanglah setiap sesuatu yang baru dan permulaan pelbagai cabaran, pelbagai kesukaran yang akan kita hadapi. Namun, saya yakin slogan "Malaysia Boleh", "Kita Boleh", pasti menghasilkan hasil yang memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 20, saya amat bersetuju dan menyokong sepenuhnya, kalau tidak, pihak-pihak berkenaan akan membuat pelbagai karenah, termasuklah laporan palsu. Apalah kita takut, siapa yang makan lada dialah yang akan merasa pedasnya. Cuma kalau adapun barangkali 'loop'nya, saya ingat tentu ada peruntukan untuk memperbetulkannya, tidaklah nanti para pembangkang sesuka hati berbuat onar khasnya kepada kerajaan sebagai political mileage mereka dan saya yakin bukan pembangkang sahaja, malah siapa juga yang membuat laporan palsu ini pasti akan diambil tindakan. Inilah kelebihan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara kita yang tercinta pada hari ini.

Cuma barangkali kepada pihak BPR kita juga mohon supaya melihat kepada beberapa hal yang pernah berlaku di negeri Sabah di mana ada kerja-kerja projek gotong-royong dengan kos lebih kurang RM25,000. Pembuatan jalan yang berharga lebih kurang RM25,000 ini untungnya lebih kurang dalam RM6,000 atau RM7,000, malangnya di tempat itu telah berlaku di mana BPR

telah menyaman seorang daripada kontraktor ini atas alasan tidak ada bukti bahawa kerja itu dibuat secara gotong-royong walhal spesifikasi di dalam tender itu, dalam tawaran kerja itu dibuat secara gotong-royong sebab dia di bawah daripada RM30,000. Akhirnya, kasihan orang ini telah diminta oleh pihak tertentu supaya mengaku salah sahaja sebab kalau tidak akui salah, ramai orang-orang atasan akan terlibat dan orang-orang yang barangkali tidak sepatutnya terikut di dalam kes ini akan turut diheret.

Jadi, atas nasihat orang berkenaan maka apa pun kesalahan yang telah ditimpakan kepada orang ini, beliau telah didenda sebanyak RM8,000. Bayangkanlah kalau untung RM6,000, dendanya sampai RM8,000 yang saya rasa ini bukan kesilapan daripada kontraktor ini, tetapi kesilapan teknikal daripada pihak yang memberikan kontrak ini. Jadi, saya harap pihak berkenaan akan melihat ini secara lebih teliti supaya ianya tidak akan berulang pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah melibatkan kakitangan kerajaan khususnya pegawai-pegawai tinggi, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai daerah dan barangkali diri kita sendiri. Jadi, kalau menurut satu kajian, siasatan menyeluruh menunjukkan bahawa 40% hingga 50% kes rasuah golongan korporat, saya nampak antara sebabnya kenapa mereka merasuah, kerana birokrasi di jabatan-jabatan kerajaan ini. Bukan rahsia lagi, sebagai contoh, pemprosesan tanah terlalu lambat, sampai 3-4 tahun, malah barangkali kalau saya boleh sebut di Sabah, ada yang memakan masa sampai berpuluh-puluh tahun. Hanya apabila Kerajaan Barisan Nasional memerintah di Sabah, barulah pegawai-pegawai berkenaan, Jabatan Tanah berkenaan telah dikerah hampir 24 jam melaksanakan tugas yang terbengkalai begitu lama. Alhamdulillah, enam bulan yang lalu kita telah pula mengeluarkan geran-geran yang terbengkalai begitu lama.

Saya tidak tahu apa alasan, kenapa hal-hal tanah seumpama ini tidak boleh diselesaikan walhal jabatan-jabatan telah sedia ada untuk melaksanakannya. Tetapi yang aneh bin ajaibnya, kalau pihak-pihak korporat, pihak-pihak tertentu apply beribu-ribu ekar, 10,000 ekarkah, 15,000 ekarkah, paling lama diproses 10 bulan boleh dikerjakan, boleh dilaksanakan dan geran dia boleh keluar. Ini persoalannya. Orang kampung pun boleh persoalkan, orang yang marhain, orang di peringkat akar umbi pun bertanya kenapa yang besar boleh diluluskan, permohonan orang kampung 15 ekar bertahun-tahun? Jadi, saya tidak akan memberi jawapan seumpama ini, tetapi biarlah kita fikirkan bersama bahawa birokrasi itu antara sebabnya dan tidak mustahil di situlah berlaku apa yang paling kita suka iaitu rasuah yang kita bahaskan pada kali ini.

Apa pun alasan sebenarnya kadang-kadang ada barangkali pihak tertentu yang boleh menerima. Tetapi bagi majoriti masyarakat di luar bandar tidak boleh menerima alasan

seumpama ini. Kita berharap BPR juga akan turut menyiasat mana-mana jabatan, bukan menyiasat bermakna menghukum, tetapi sekurang-kurangnya mengetahui membantu menyelesaikan masalah ini, tetapi kalaulah ada di antara mereka yang ternyata melakukan kesalahan ini, maka tidak ada maaf bagimu. Jalankanlah tugas itu, teruskanlah. Ikan jerungkah, ikan biliskah atau siapa juga yang terlibat, laksanakanlah tugas murni negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seorang rakan saya daripada Kampung Dalitsuk, Pensiangan, Keningau, Sabah. Dia menjadi penjamin membeli sebuah kenderaan, dan sipembeli gagal membayar. Akhirnya, sipenjamin, guarantor ini terpaksa dikenakan bankrapsi. Dua bulan selepas itu dia membayar RM40,000 sebab kenderaan itu telah dilelong oleh syarikat peminjam kewangan ini yang mana pemilik asal kenderaan itu dibiarkan begitu sahaja. Saya tidak tahu apa tindakan, tetapi barangkali inilah antara loophole undang-undang kita yang perlu diperbetulkan. Diringkaskan cerita, sipenjamin ini telah membayar RM40,000 selepas itu beliau membuat pinjaman untuk membeli kenderaan. Sudahlah rugi RM40,000 hanya sebagai penjamin, kerana bankrapsi, selesai bankrapsi dengan bayaran RM40,000. Sikawan buat pinjaman kenderaan di mana-mana bank tertera nama beliau bahawa beliau adalah antara orang yang bermasalah. Barangkali kerana bankrapsi itu belum dihapuskan walaupun beliau telah membayar jumlah wang yang dikehendaki.

Sepatutnya Jabatan Pemegang Harta Malaysia Cawangan Sabah telah mengeluarkan surat pelepasan bankrap. Cuba bayangkan ianya berlaku pada tahun 1993, dan 1997 pun tidak ada apa-apa tindakan. Ini ketidakcekapan sebenarnya pegawai-pegawai kita di peringkat bawahan, ini berani saya mengatakan, sebab kalau barangkali empat bulan, lima bulan bolehlah dimaafkan. Tetapi kalau sampai bertahun-tahun, tidak ada alasan yang sah, tidak ada apa-apa alasan yang membolehkan ianya tidak boleh dikeluarkan hanya sekeping surat yang ringkas.

Kemudian, apabila orang ini meminta supaya pelepasan itu diberikan, beliau mengatakan kalau apply daripada Kota Kinabalu memakan masa 14 hari, campur itu, campur ini satu bulan. Kalau ke Kuala Lumpur satu hari boleh siap. Datanglah kawan saya ke Kuala Lumpur, sampai sahaja di Kuala Lumpur, beliau jumpa dengan Jabatan Pemegang Harta, pegawai Pemegang Harta kata "Oh! ini mahu dibuat satu minggu," untuk buat satu surat ringkas. Sebenarnya saya ada salinan, *[sambil menunjukkan salinan surat tersebut]* satu surat ringkas. Kemudian, rakan itu

merayu, dia kata “bolehlah tiga hari.” Tiga hari, bayangkan ongkos penerbangan kapal terbang sahaja daripada Kota Kinabalu sudah RM600 lebih, daripada Dalitsuk ke Keningkau sudah RM100 lebih, sudah RM700 lebih. Bayar sewa hotel lagi sudah lebih kurang RM600, belanja makan dan sebagainya, hanya kerana surat ini sahaja yang sepatutnya boleh disiapkan dalam tempoh satu hari. Jadi, bayangkan inilah akibat birokrasi kita yang terlalu, saya tidak tahu terlalu apa ini. Hendak dikatakan tidak cekap tidak juga.

Sebenarnya saya pernah datang ke beberapa jabatan, saya tengok ada kata-kata hikmat yang ditulis di situ cukup hebat, cukup bagus. Tetapi kata-kata hikmat tinggal kata-kata hikmat sahaja, yang kerja masih juga di takuk yang lama. Jadi, kita mohon BPR juga barangkali turut berperanan di mana-mana jabatan, saya ingin mencadangkan supaya BPR mempertimbangkan di mana-mana jabatan kerajaan ada pegawai-pegawai BPR yang turut serta di dalam jabatan itu sekurang-kurangnya untuk menasihati mereka untuk membimbing mereka, untuk membantu mereka dan kalau perlu untuk menangkap mereka yang bersaah agar rasuah ini dapat dibendung. Kalau tidak, susah, bukan senang.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kalau ada penasihat, kalau ada pengawas, kata orang tua-tua ‘kalau kucing tidak ada, tikus berani menari’ Tetapi kalau ada kucing di situ, tikus pun takut juga. Jadi, barangkali istilah ini pun boleh dipakai, mudah-mudahan dengan terlaksananya, terlantiknya 237 pegawai-pegawai BPR ini, maka akan berkuranganlah atau mudah-mudahan akan kita dapat bendunglah rasuah yang menjadi ‘duri dalam daging’ kepada Kerajaan Barisan Nasional ini.

Untuk mengatasi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya ketua-ketua jabatan yang banyak kena kompelin, yang tidak cekap, yang lembab, yang lewat datang ke pejabat, minum pagi keluar 9.30 balik pejabat 12.15, tetapi ini bukan di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, di tempat lain, khasnya di tempat-tempat yang berisiko tinggi. Umpamanya pegawai daerah, ketua polis, Jabatan Hutan dan ketua-ketua jabatan, saya ingat perlulah jangan mereka ini terlalu lama di sesebuah jabatan, cukuplah tiga tahun, seperti juga cadangan daripada rakan-rakan saya sebelum ini.

Di samping itu, kita juga perlu mengadakan satu manual kerja. Jadi, barangkali kalau DO itu, pegawai daerah itu ditukarkan ke mana-mana pun, sudah ada garis panduan yang memang

sedia, sudah ada blue print, sudah ada barangkali scheme of work yang telah diberikan sebagai satu panduan kepada orang atau pegawai yang akan menggantikan pegawai tersebut. Satu ketika dahulu, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), BTN, KEMAS, Penerangan rancak mengadakan berbagai-bagai seminar dan kursus, ditambah lagi dengan kursus-kursus khasnya yang diadakan. Jadi, saya juga ingin mencadangkan supaya agensi-agensi kerajaan ini mengaktifkan balik. Kalau pun sudah aktif, kalau boleh, doublelah, dengan izin, supaya barangkali perkara-perkara seumpama ini, terutama gejala rasuah ini dapat kita kurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pernah satu ketika dahulu semasa saya menjadi kontraktor, saya mendapat tawaran untuk membuat kerja bernilai RM50,000, kemudian bila saya berjumpa dengan pegawai berkenaan terus-terang beliau bercakap, “Boleh saya bagi, tetapi 10% in advance bagi sama saya,” dengan izin. Maka itulah saya mohon supaya tiga tahun ini boleh dilaksanakan, tidaklah memaksa, tetapi hasil daripada pengalaman ini dan kawan-kawan yang 10% ini kerana barangkali saya pun jiwa saya tidak sampai begitu, saya tidak minat seperti ini, saya kehilangan projek berkenaan, dan pegawai berkenaan telah menyenaraihitamkan nama saya. Selagi beliau berada di situ menduduki jawatan itu, apa juga projek yang saya mohon “Oh! ini Sairin Karno, tidak boleh dapat,” hanya kerana saya tidak memberi 10%. Ini cerita tiga tahun yang lalu. Mujur jugalah sebab pegawai berkenaan pun tidak lama di situ, lebih kurang tiga tahun, beliau pun ditukarkan, dan alhamdulillah, hubungan saya dengan pegawai-pegawai di situ yang saya nampak lebih bersih dari pegawai yang pernah menyenaraihitamkan nama saya lebih baik daripada itu.

Bayangkan kalau seorang ketua jabatan mempunyai sikap seumpama ini. Projek bukan untuk saya seorang. Berapa ramai yang telah beliau pengaruhi. Ini orang di atas. Bagaimana dengan orang-orang di bawah beliau. Jadi, saya tidak akan menyebut lebih panjang, sebab Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga telah mengupas masalah seumpama ini yang berlaku kepada pegawai-pegawai atasan, pegawai-pegawai bawahan, kakitangan-kakitangan sehingga penghantar fail pun turut juga memohon apa yang telah saya sebutkan di sini tadi.

Saya juga turut mencadangkan agar kenaikan pangkat bagi semua kakitangan diadakan satu peperiksaan khusus dan salah satu slot di dalam exam itu ialah mata pelajaran Antirasuah ataupun hal ehwal rasuah. Sekurang-kurangnya lojiknya cadangan pegawai-pegawai berkenaan

kerana terdapat pegawai-pegawai di beberapa jabatan dipelihara oleh tauke-tauke atau ‘macai-macai’ tauke contohnya, sebenarnya banyak di negeri Sabah. Saya minta maaf, saya orang Sabah, tetapi kerana saya sendiri menyaksikan, maka BPR perlu bertindak cergas dan wajar kepada ini.

Jika ada peperiksaan yang telah saya sebutkan ini, sedikit-sebanyak akan membuatkan hati mereka barangkali insya-Allah, Tuhan akan rangsangkan hati supaya menyedari bahawa rasuah itu satu kerja yang keji, maka orang ini akan berubah, insya-Allah, mudah-mudahan. Ini bukan rahsia lagi sebenarnya. Malah ada pegawai yang punya syarikat sendiri sama ada atas nama kawan-kawannya atau atas nama isteri-isterinya atau atas nama keluarganya atau atas nama ‘macai-macai’nya. Malah ada di antara pegawai-pegawai berkenaan memegang sampai lima lesen. Bayangkan kalau dia pegang lima lesen, mana satu projek pun dia ambil, nama yang lima itu juga yang akan memperolehi satu persatu. Bulan ini A, bulan depan B, bulan lima C, bulan enam A balik, dia buat rotation secara itu.

Jadi, saya berharap pihak berkenaan juga terutama BPR akan menyelongkar, akan memperbetulkan perkara ini. Saya secara ikhlas jika tenaga saya diperlukan, saya juga akan turut membantu BPR pada bila-bila masa. Perkara seumpama ini memang tidak sihat sebab ia boleh menjejaskan integriti kakitangan awam dan kredibiliti, wibawa jabatan-jabatan dan kakitangannya. Ia mesti dikawal, sebab kalau tidak dikawal ianya akan menjadi masalah besar.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan projek-projek yang diswastakan, terutama projek-projek mega agar ianya lebih telus dan lebih bebas daripada rasuah. Kita sedia maklum projek-projek yang menelan berbilion-bilion ringgit barangkali seperti yang kita sedia maklum Hidro Elektrik Bakun, Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Putrajaya, Cyberjaya, MLNG Bintulu dan sebagainya. Penggunaan khidmat konsultan menilai semula projek hendaklah diaudit secara teliti. Jangan sampai projek-projek mega memperolehi keuntungan yang berlebihan, tidak berpatutan dan dibolot oleh konsultan-konsultan swasta. Di zaman Multimedia Super Corridor (MSC) yang canggih ini kita dikejutkan oleh seorang billionaire yahudi, George Soros yang telah menggunakan berbilion-bilion ringgit untuk melunturkan nilai mata wang ASEAN. Kejatuhan Presiden Barishah di Albania antara lain disebabkan adu-domba ke atas rakyat oleh pemberi rasuah. Contoh jelas dalam majalah *Fobus* keluaran 7.4.1997 ‘*Beware of Billionaires Bearing’s Gift*’ - ‘Awasilah Seorang Bilionair Yang Selalu Memberi Rasuah.’ Bukan mata wang ASEAN sahaja yang dihuru-harakan oleh perasuah berkenaan, malah Belgrade, Macedonia dan Bulgaria juga tidak terkecuali.

Saya difahamkan, beberapa orang pemimpin politik turut dibeli dengan merasuah mereka ini - tidak mustahil. Pertubuhan antirasuah antarabangsa yang bebas bertindak termasuk menyediakan indeks rasuah antarabangsa di dunia ada juga yang tidak jujur dan mereka akan jatuhkan siapa-siapa yang tidak menurut jari telunjuk mereka.

Untuk itu, saya ingin mencadangkan supaya semua ketua pemimpin parti pembangkang di Malaysia tidak dikecualikan daripada pengisytiharan harta mereka, ini barulah adil, bukan sahaja pemimpin-pemimpin kerajaan malah ianya meliputi semua lapisan masyarakat. Sebenarnya, saya masih ingat, saya pernah bertanya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, kenapa tidak pemimpin-pemimpin pembangkang mengisytiharkan harta mereka dan beliau menyatakan, seandainya ini dilakukan maka tidak ada pembangkang di Malaysia. Saya bersetuju, barangkali kalau tidak ada pembangkang lagi bagus supaya kita boleh buat agenda kita yang terbaik. Soal jadi pembangkang, soal mereka membangkang yang tidak betul, saya ingat kita semua di sini pun mana yang tidak betul kita sama-sama katakan tidak betul, sebagai contoh rasuah. Berapa pemimpin Barisan Nasional yang telah diambil tindakan? Bermakna Kerajaan Barisan Nasional ini tidak pilih kasih, orang bersalah tetap bersalah, yang betul tetap betul.

Jadi, bagus kalau boleh cadangan saya tadi itu dapat diambil perhatian agar ianya lebih telus kalau boleh saya utarakan perkataan itu. Pandangan dan kata-kata daripada Dr. Syed Hussein Al-Atas, tiga tahap rasuah, peringkat peribadi, peringkat institutional dan peringkat situational.

Oleh yang demikian, saya bersetuju seperti pandangan rakan-rakan tadi, check and balance, dengan izin, mesti ada di mana selain daripada badan-badan khas, Jabatan Audit Negara juga turut kita pertanggungjawabkan untuk mencari kelemahan, untuk mencari kesilapan dan memperbetulkannya supaya kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional akan lebih efisien.

Saya tertarik bila terbaca mengenai dengan kedudukan Hong Kong satu ketika dahulu, Hong Kong adalah antara negara yang dilanda rasuah begitu teruk, kemudian mereka telah perkenalkan apa yang disebut oleh rakan-rakan juga tadi iaitu Independent Commission Against Corruption (ICAC), sebuah badan yang di atasnya ada beberapa buah jawatankuasa. Jadi saya tidak akan membaca secara terperinci tetapi barangkali perlu saya sebut jawatankuasa itu secara ringkas:-

- (i) Jawatankuasa Bebas;
- (ii) Jawatankuasa Penasihat;
- (iii) Jawatankuasa Penilai Operasi;
- (iv) Jawatankuasa Penasihat Pencegah Rasuah; dan
- (v) Jawatankuasa Penasihat Perhubungan Masyarakat.

Saya yakin bahawa mana-mana yang telah diperkenalkan oleh negara-negara maju yang efisien, yang boleh digunapakai di negara kita maka tidak salah kita ambil itu sebagai model kita dalam membanteras rasuah sebab apabila ianya diperkenalkan di Hong Kong, maka kes rasuah di Hong Kong telah menurun begitu cepat.

Saya yakin dengan BPR yang mempunyai pendekatan yang saya percaya boleh memperoleh pelbagai khidmat, pelbagai bantuan daripada lapisan masyarakat ini dapat kita bantu dan barangkali pada pandangan saya tidak

perlu ada ICAC di negara kita, cukuplah dengan BPR, cuma barangkali perlu ambil kira beberapa hal yang telah dilaksanakan oleh Hong Kong pada satu ketika dahulu, tetapi untuk ikut secara 100% pada pandangan saya, saya tidak begitu bersetuju kerana barangkali keadaan kita, negara kita negara Malaysia dengan Hong Kong banyak kelainannya.

Jadi, untuk itu saya mohon supaya BPR juga menjadi sebuah badan yang menjadi badan yang mesra kepada masyarakat, kadang-kadang di beberapa tempat, dengar sahaja BPR, orang-orang tertentu hati sudah gerun mendengar, datang ke pejabat sahaja sudah lain rasanya, jadi, kita mohon juga saya ingat saya pernah bertanya perkara ini kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri satu ketika dahulu di mana kalau kita membuat laporan kepada BPR, nama kita akan dirahsiakan, malangnya pernah berlaku di negeri Sabah, apabila seorang orang kenamaan kita datang untuk memberi bantuan kepada BPR, beliau keluar sahaja daripada Pejabat BPR, empat, lima orang pemberita sudah bersedia di situ untuk interview ataupun menemuramah orang kanan kita di negeri Sabah. Jadi, saya tidak tahu siapa yang beritahu, kita tidak mahulah barangkali menuduh sesiapa, tetapi maksud saya menyebutkan perkara ini kalau pun barangkali nama dia tidak dihebahkan tetapi secara tidak langsung dengan adanya pemberita, memang orang semua sudah tahu.

Jadi, dua anggapan masyarakat, yang pertama, dia rasuah, itu yang nombor satulah, ha ini menteri kena panggil, walaupun dia datang ke situ untuk memberi kerjasama, dia kata, satu, dia memberi rasuah, disiasat. Yang kedua, dia kata, barangkalilah ada masalah besar.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya Badan Pencegah Rasuah ini kalau dapat bila orang membuat pengaduan ini biar lebih mesra, maksud saya lebih mesra, tidak payah ke pejabat di situ, barangkali hanya melalui telefon, kita beritahu, saya ini, ini. Atau kalau perlu bukan kita tidak mahu nama kita diketahui, tetapi seperti masalah yang saya sebutkan tadi, cari apa alternatif lain yang membolehkan supaya orang-orang yang ada pangkat ini, yang ada kedudukan ini tidak perlu datang ke pejabat, barangkali dia boleh panggil pengarah atau pegawai datang ke situ beri taklimat atau beri penjelasan mana-mana yang perlu. Jadi, tidak perlulah dia datang ke situ baru diambil tindakan.

Saya sebenarnya pernah satu ketika dahulu menelefon, memang tidak mahu supaya nama itu diketahui. Sebab macam mana pun kita mahu minta supaya nama kita dirahsiakan, tidak tahu macam mana, siapa yang tahu dan sebagainya, besok, lusa orang sudah tahu: “Oh, you yang lapor sama saya ya, jaga!” Jadi, ada juga unsur-unsur ugutan ini bukan sahaja ugutan ini kepada BPR, kepada pelapor ini pun kadang-kadang masalah dia.

Jadi, bila kita telefon: “Saya mahu lapor ini.” “Siapa nama, apa nombor I/C dan sebagainya?” Saya rasa ini kita perlu sesuatu yang lebih barangkali dirahsiakan. Kita bukan tidak yakin dengan kerahsiaan yang dibuat begitu tetapi almaklum tempat itu satu tempat yang bercampur dengan jabatan-jabatan lain dan mudah dilihat oleh rakan-rakan kiri dan kanan. Bila ini berlaku, susah, kata hendak elakkan nama kita dari diketahui ramai, tidak boleh, hampir tidak boleh, walaupun barangkali boleh.

Jadi, saya mohonlah supaya kalau boleh seperti yang awal-awal saya nyatakan, adakan pejabat-pejabat kecil walaupun kecil di daerah-daerah di mana

tempat apa lagi di pejabat-pejabat yang rasuah ini mudah berlaku. Sebagai contoh, saya sebut saya ingat tidak ada masalahlah. Di Sandakan, rakyat Filipina yang datang tidak tahu bagaimana, sebab Sabah ini pantainya terlalu luas, jaga di sini, sudah tembus di sebelah, jaga di sebelah tidak boleh. Oleh kerana terlalu luas, orang bilang 'naik sampung'. 'Naik sampung' ini datang haramlah. Bila dia balik ke Philippines begitu juga, tetapi ada yang tidak dapat balik, dia balik tidak ada apa-apa dokumen, tetapi bagaimana dia boleh melalui kastam ini? Jadi, saya tanya kawan-kawan di situ: "Kenapa kamu boleh?" "Oh! Bayar oh!" "Berapa bayar?" "RM50." Kalau 100 orang RM50 setiap orang sudah berapa dan wang itu pergi ke mana? Ini kita berani bercakap sebab ini memang benar-benar berlaku.

Jadi, kita minta juga pihak yang berkenaan terutama pihak BPR akan melihat ini sebagai salah satu agenda untuk diselesaikan. Begitu juga Keningau satu ketika dahulu daripada Tawau 'naik sampung' daripada Indonesia, Nunukan ke Tawau, daripada Tawau mereka naik kereta sampai di Merotai, sampai ke Kalabakan sampai di Sepulut, dahulu di Sepulut kita ada tentera menjaga pendatang yang datang ini, di check kereta itu dan boleh dikatakan pada masa itu dalam tahun sekitar 80-an, pendatang tidak begitu banyak, tetapi hari ini saya ingat antara tempat di pedalaman di seluruh negara ini yang mempunyai pendatang yang paling banyak ialah di negeri Sabah iaitu di Keningau, di tempat saya. Sebab sekarang tidak ada lagi tentera di situ tidak ada, polis di situ, di Sepulut tidak ada, di Nabawan tidak ada, di Keningau tidak ada.

Saya ingat rakan saya Yang Berhormat Tuan Jiuin, dia tahu masalah ini. Jadi, macam mana perkara ini boleh jadi sampai begini? Jadi, untuk menghantar balik orang ini kita hantar balik, berapa banyak wang kerajaan yang sudah kita

gunakan, lepas itu dia balik, tiga bulan nampak muka yang serupa balik, muka itu juga, kita tangkap 1,000 lebih, tiga bulan selepas itu datang balik. Yang anehnya, ada di antara mereka yang mempunyai kad pengenalan yang 'genuine', bukan Yang Berhormat Tuan Jiuin ya? *[Ketawa]* Kad pengenalan yang betul itu, yang asli itu. Dia kata: "Ha ini, saya lahir di sini," dia sebut satu tempat sebagai contoh, Kabulu. Kabulu di situ hanya dua bangsa sahaja yang ada di situ, orang Murut dan orang Dusun atau Kadazan, tetapi dia lahir di situ, beranak di situ. Dia lahir pula tahun 50-an pula, tidak masuk akal, di tahun 50-an tempat itu masih hutan, saya tahu.

Jadi, ini semua saya yakin dan percaya, ini sebenarnya berlaku antara lain kad pengenalan palsu ini juga berlaku kerana rasuah. Jadi, ini juga perlu ditangani. Yang Berhormat Datuk Johan O.T. Ghani pun tahu masalah ini. Jadi, cuba bayangkan macam mana kita mahu buat sekarang, masalah sekarang kita punya kenderaan mini-mini bus mengangkut orang daripada Keningau ke Kota Kinabalu atau dari Tenom ke Kota Kinabalu. Kalau masa masih ramai orang pelarian pendatang-pendatang ini setiap hari berapa bas yang berjalan ulang alik ke Kota Kinabalu dengan kejauhan 136 kilometer tambang ataupun sewa RM15. Bila pelarian-pelarian ini kena tangkap, ada kenderaan yang biasanya dua trip satu hari, tiga hari baru boleh jalan. Jadi, rupanya penumpang-penumpang ini adalah kebanyakan orang-orang pendatang tanpa izin.

Kalau dahulu, di Penampang ini antara Kota Kinabalu, antara Keningau, Tambunan dan Penampang ada satu check point, ini pun ada pegawai keselamatan kita polis dan tentera. Tidak ramai yang datang, baik dari Keningau, baik

daripada Penampang, ada yang jaga di situ. Sekarang sudah tidak ada, habis tembus-menembus seolah-olah kita tidak ada pengawal keselamatan sebenarnya.

Jadi, saya mohon dengan

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat!**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Ya.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki mahu minta laluan.**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Oh, silakan.**

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya pun hairan mengapa di Keningau ini menjadi-jadi sangat berkenaan dengan orang tanpa izin ini datang keluar masuk. Adakah ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat ini amat popular di mana mereka suka sangat pergi Keningau ataupun Yang Berhormat ini membiarkan sahaja mereka datang ke sini dengan tidak melapor kepada pihak yang berkuasa sebabnya sekarang terang-terang dia menceritakan perkara ini berlaku, dia tahu, tanya Yang Berhormat ini, tanya ini, adakah mereka ini genuine betul-betul masuk ataupun tidak, ini kita pun hendak tahu juga. Jadi, mengapa berlaku di Keningau ini sahaja, tempat lain saya tidak dengar cerita apa-apa berkenaan dengan Sabah ini. Jadi, adakah ini menunjukkan wakil rakyat ini sangat popular ataupun dia tidak menjalankan tanggungjawab dia sebagai seorang Yang Berhormat?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini mahu makan sekurang-kurangnya satu jam tetapi tidak apalah, saya ringkaskan. Sebenarnya wakil Ahli Parlimen di situ Ketua Pembangkang daripada PBS iaitu Datuk Pairin dan wakil rakyatnya Dr. Jeffrey Kitingan. Bagus juga Yang Berhormat soal ini sebab saya akan sebut ke sini juga nanti akhirnya. Salah satu sebab kenapa ramai orang-orang itu datang ke situ memanglah “di mana ada gula, di situ ada semut”, jadi nampaknya gula memang ada di kawasan saya dengan Yang Berhormat Senator Jiuin - kayu balak. Kayu balak ini boleh dikatakan antara Tawau dan Keningau sahaja yang banyak kayu balak sekarang dan di situlah menjadi tumpuan kepada

pekerja-pekerja yang legal dari Filipina atau dari Indonesia datang bekerja di situ tetapi keluarga mereka datang sampai satu pekerja sepuluh pekerja yang datang. Ha, ini yang menjadi pendatang haram ini sebenarnya - kerana sumber ini dan di samping itu sebetulnya, kalau kira betul patut wakil rakyatlah mungkin termasuk kami untuk membuat hal ini tetapi kadang-kadang kita tidak berupaya, terlalu ramai. Jadi cuba bayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ulang cerita dulu. Ada satu daerah namanya Suk. Suk ini kawasan pembalakan. Saya ingat Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri belum sampai ke sana. Satu masa dijemput datang ke situ lah supaya lebih tahu....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada kawan baik pun mahu minta laluan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ada lagi laluan?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Cerita di Keningau ini dan disebut tadi kayu balak, antara tarikan ataupun gula yang dimaksudkan adalah balak. Apakah balak di situ dikerjakan secara sah ataupun berlesen ataupun halal ataupun dicuri macam di Kelantan?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tetapi bukan menuduhlah ya Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana tempat ini boleh dikatakan pencuri tidak boleh dielakkan. Ini yang saya mahu cerita tadi itu. Malah, akan terjawablah lepas ini.

Malah, di daerah Suk itu satu ketika dahulu tidak ada penguatkuasa perhutanan, maknanya tidak ada pegawai hutan atau pejabat hutan diadakan di Suk yang mempunyai sumber balak yang begitu bagus kalau dikira. Tidak tahu tiga tahun selepas itu, wujud satu pejabat - pejabat Jabatan Hutan untuk menjaga hutan. Waktu sebelum ada penguatkuasa hutan di situ, kayu balak kita di situ besar-besar, yang anehnya bila ada Penguatkuasa Jabatan Hutan, tiba-tiba kayu balak itu jadi gondol, barangkali macam Kelantan seperti yang disebut oleh rakan tadi. Tidak ada lesen, cutting licence tidak ada dan sebagainya tetapi dicuri. Siapa yang mencuri, bukan menuduhlah tetapi kita tahu siapa pencuri-pencuri itu kebanyakan didalangi oleh pembangkang-pembangkang di situ, barangkali lebih kurangnya sebab saya pun baru sampai di tempat yang kena curi itu, tetapi saya percaya memang lebih kurang, adik-beradiklah itu - sama-sama pembangkang.

Jadi, bila kita tanya pegawai berkenaan, apa dia cakap? Dia kata apa hairan kayu balak, kereta di bandar pun boleh hilang, apa lagi ini kayu balak di hutan tiada yang jaga, masya-Allah! Cuba bayangkan, ini khazanah negara, ini harta rakyat - boleh hilang begitu sahaja. Cuba bayangkan, jadi apa sebabnya, ini yang saya sebut tadi. Barangkali rakan-rakan ada yang belum masuk tadi, ini yang saya sebut ada pemimpin-pemimpin juga yang mempunyai machai-machai tertentu. Itu makanya.....

Timbalan Yang di-Pertua: **Apa machai-machai ini, Yang Berhormat?**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Machai-machai itu....**

Timbalan Yang di-Pertua: **Maksud machai-machai saya pun tidak tahu, bahasa Cinakah itu? [Ketawa]**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Bahasa Cinalah itu. Barangkali Tuan Yang di-Pertua, boleh tolong beritahu.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Machai itu 'kaki-kaki' kah?**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Aaaa, ya. Kakitanganlah itu. Dia punya kakitangan semua.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Dia tidak ada tangan.**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Ha?**

Timbalan Yang di-Pertua: **Machai tidak ada tangan, kaki sahaja.**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Tuan Yang di-Pertua lebih tahulah. [Ketawa] Jadi, machai ini yang curi balak ini. Siapakah bos di belakangnya? Saya tahu kebanyakan pemimpin-pemimpin pembangkang. Cuba bayangkan. Jadi, saya tidak tahu bagaimana BPR tidak boleh melihat ini tetapi saya yakin selepas ini dikuatkuasakan, insya-Allah, pencuri-pencuri balak ini akan ditangkap dan diambil tindakan wajar.**

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi barangkali yang perlu diperjelaskan. Kita mintalah supaya Badan Pencegah Rasuah ini membuat kempen habis-habisan seperti yang saya sebut, barangkali apa jugalah, tidak perlu saya sebut tetapi saya sebut berhabis-habisan ini termasuklah makalah, majalah, risalah, radio, TV dan sebagainya. Diharap perkara ini akan diambil kira sebab bila kurang publisiti, bila kurang penjelasan, maka kadang-kadang orang tidak tahu terutama bila disebut hadiah, apa itu hadiah sebab ada juga bentuk hadiah yang dianggap rasuah. Jadi, saya ingat ini perlu penjelasan secara terperinci daripada pihak berkenaan.

Di samping itu, saya juga mohon bahawa red-tape ini kalau boleh dikurangkan. Saya difahamkan masa zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman, Pengarah ACA waktu itu, Tan Sri Harun Hashim - kawan saya ceritalah, kawan kepada kawan saya cerita - masa jogging, bila dia jogging dia nampak rumah cantik, besok sambil jogging dia beritahu pegawai dia, siapa punya rumah itu, dia suruh pegawai dia siasat. Jadi, ada yang cuma pegawai biasa gaji barangkali RM1000, rumah banglo harga berjuta-juta. Jadi, sampai begitu. Jadi, barangkali BPR boleh ambil pendekatan lebih kurang begini. Kemudian di Sabah juga, ada pemimpin-pemimpin pembangkang yang tidak tahu dari mana dapat kewangan yang begitu banyak. Rumah banglo berapa buah, kemudian perusahaan berapa banyak, saya tidak tahu daripada mana mereka dapat ini, saya rasa BPR juga perlu mengambil perhatian dan melihat gejala ini. Jangan yang akan diambil tindakan ini kebanyakan orang-orang Barisan Nasional tetapi pembangkang di belakangkan.

Jadi, khusus untuk Sabah, lihatlah seperti juga yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Jiuin, ada pemimpin-pemimpin yang berlagak dengan style tersendiri sehingga hari ini datang ke sana ke sini, ke hilir ke hulu memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional, beliau tidak tahu bahawa beliau juga adalah antara orang yang pernah diambil tindakan oleh BPR tetapi saya rasa tidak cukup dengan itu perlu disiasat lebih mendalam lagi apakah kegiatan-kegiatan beliau pada hari ini dan dari manakah harta yang begitu banyak yang tidak sepatutnya ada kepada pemimpin seumpama ini. Kita bukan anti kepada orang yang mempunyai kelebihan seumpama ini tetapi biarlah barangkali kelebihan itu kita nampak, biarlah ketelusan itu kita lihat dan diharap Kerajaan Barisan Nasional akan melaksanakannya tanpa memilih bulu - jerung besarkah, jerung kecilkah, ikan pauskah, ikan biliskah - go ahead sahaja. Ambil tindakan mana yang patut.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali untuk terakhir kali saya ingin bertanya kepada kementerian. Saya mendapat tahu bahawa untuk ICAC ini yang lebih kurang BPR kalau di negeri kita ini diberikan peruntukan lebih kurang RM312 juta untuk pengendaliannya dan saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat untuk BPR bagaimana dari segi peruntukan seumpama ini dengan pelbagai kegiatan yang telah saya sebut dan tidak lupa kalau boleh sekali lagi saya sentuh di dalam Fasal 14 iaitu mengenai dengan menawarkan kepada Ahli Parlimen atau

seorang ahli sesuatu Dewan, sebenarnya saya tahu ramai di antara rakan-rakan yang menyoalkan terutama pembangkang, saya setuju teruskan yang ini, Fasal 14.

Begitu juga dengan Fasal 20. Saya ingat ini yang paling bagus, jadi tidak adalah parti-parti pembangkang, pemimpin-pemimpin pembangkang yang menuduh sewenang-wenangnya. Fasal 37.....

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, boleh beri laluan kepada saya?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Nanti dulu, tunggu saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, tidak apa.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Fasal 37 pun cukup bagus, kalau ada pun barangkali fasal-fasal yang tidak begitu lengkap, saya yakin dan percaya bahawa kementerian memang peka dan bersedia memperbaiki mana yang tidak begitu lengkap.

Jadi, akhir sekali, sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah berjaya membentangkan rang undang-undang ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah, syabas, mudah-mudahan ianya akan menjadi kenyataan.

Jadi, kalau Yang Berhormat dari Kelantan mahu soal, boleh, sila.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa mengambil sikap bertenang dan berlapang dada di mana Yang Berhormat-Yang Berhormat sekeliling bangun dan hentamkan pembangkang. Saya rasa pembangkang-pembangkang yang wujud di Sabah adalah lain dan jauh kalau hendak dibandingkan dengan pembangkang di Kelantan. Saya rasa balak yang ada di Malaysia ini yang tidak botak itu hanya di Kelantan tetapi di negeri lain tidak tahulah, saya tidak ada buat kajian tetapi kawasan-kawasan setakat yang saya tahu banyak kawasan balak yang sudah botak.

Jadi, buat tuduhan biarlah berasas rasionalnya sepertimana wakil Yang Berhormat dari Perlis tadi buat tuduhan yang mengambil satu kesempatan menghentam PAS. Jadi, saya rasa tidak adillah kalau saya duduk di sini tidak menjawab sepatah kata. Jadi, di peringkat awal saya melihat Yang Berhormat dari Perlis tadi bercakap dengan hadis, dengan ayat Qurannya dan saya merasa ada kelegaan di jiwa saya.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ini penjelasakah atau soalan? Sebab ini soalan untuk saya, bukan untuk di sana, jadi kalau boleh Yang Berhormat.....

Puan Jamilah binti Ibrahim: **Merangkumlah.**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Tanyalah hanya untuk saya sahaja sebab tidak adil juga kalau Perlis disoal sebab masanya untuk saya.**

Puan Jamilah binti Ibrahim: **Ya, tidak apa. Ya, untuk Sabah sahaja.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat, buat satu remark sahaja, bukan? Satu.....**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Cuma Yang Berhormat kata tadi dia belum siasat, saya ingat bagus siasatlah kalau betul-betul Kelantan memang botak, saya ingat kita tidak boleh nafikan kalau botak, sudah memang botak. Jadi, kalau dia kata botak, botaklah. Terima kasih. [Ketawa]**

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Saya mohon laluan.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Mahu jawabkah?**

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Ini berdasarkan Peraturan Mesyuarat oleh kerana saya dengar dia melibatkan wakil dari Perlis dan kebetulan saya yang bercakap tadi.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Okaylah, beri dia 'chance'lah.**

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: **Tuan Yang di-Pertua, saya bukan buat tuduhan, saya hanya quote statement yang keluar dalam akhbar apa yang Nik Aziz sebut, itu sahaja. Itu bukan tuduhan! Sebagai Senator dia kena fahamlah itu, apa yang saya quote balik itu apa yang keluar dalam akhbar apa yang Nik Aziz jawab.**

Puan Jamilah binti Ibrahim: **Tuan Yang di-Pertua.....**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini masih waktu saya bukan? Jadi, saya ingat kalau pun mahu bertanya dari sayalah.....**

Timbalan Yang di-Pertua: **Tidak apalah, saya ingat kita faham juga apa remark Yang Berhormat Jamilah mahu buat, bukan?**

Tuan Haji Sairin bin Karno: **Jadi, dengan itu saya mohon menyokong.**

Timbalan Yang di-Pertua: **Okay, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Ghazi. Saya beri dia chance dahulu oleh kerana dia ahli yang baru, dia mahu memberi maiden speech, kita dengar Yang Berhormat dulu ya. [Tepuk]**

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: **Bismillahir Rahmanir Rahim.** Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah saya menadah tangan bersyukur kepada Tuhan kerana dapat bersama-sama dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan dengan ikhlas kepada Kerajaan Negeri Selangor khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Dr. Haji Abu Hassan bin Omar kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjadi wakil Selangor dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana beliau juga telah bersetuju memperkenankan perlantikan saya. Insyallah dengan sedikit sebanyak pengalaman yang saya ada, saya akan secara ikhlas membantu dan membuat bakti untuk men'justify'kan kepercayaan itu.

Terima kasih juga saya tujukan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana akhirnya memberi peluang kepada saya untuk berucap setelah menunggu begitu lama dan mendengar dengan penuh kesabaran ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu daripada saya.

Saya juga mengambil peluang ini berterima kasih kepada Ahli-ahli Dewan, rakan-rakan Senator terutama sekali Presiden Kelab Senator Malaysia, Yang Berhormat Datuk Rahim Baba kerana begitu senang menerima saya sebagai ahli baru dalam Dewan yang mulia ini dan memberi kata-kata perangsang berdasarkan kepada ucapannya dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan khususnya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong kuat Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang telah disampaikan dengan begitu baik sekali oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana dengan begitu berani, konsisten dengan usaha-usaha yang begitu berani mengakui kelemahan dalam kerajaan untuk menganjurkan undang-undang yang begini, khususnya sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Timbalan Menteri yang saya sebut tadi membentangkan rang undang-undang pada hari itu dengan begitu baik, quotationnya amat memberangsangkan, saya tidak sempat hendak tulis apa yang dia quote, tetapi saya akan dapat

check kemudian. Saya rasa keseluruhannya rakyat Malaysia bolehlah berasa lega kerana tahap masalah rasuah dalam negara kita ini tidaklah begitu serius jika dibandingkan sepertimana dengan negara-negara lain. Kalau dapat dibuatkan andaian, masalah rasuah ini sudah masuk dalam darah kita, orang-orang Malaysia, pihak kerajaan, swasta dan sebagainya. Nasib baik masih tidak masuk dalam darah daging jadi sehati. Kalau sudah masuk dalam darah daging sehati, daging itu akan jadi busuk, akan menjadi hangus dan akan seksalah seluruh negara nanti.

Saya juga ucap tahniah kepada pegawai-pegawai kerajaan kerana saya tahu di belakang tabir mereka bekerja begitu keras untuk menyediakan rang undang-undang ini dengan begitu terperinci. Sebenarnya saya ada satu soalan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi untuk sebab-sebab strategik, saya akan usulkan soalan itu di akhir nanti. Maksud saya 'strategik' kerana saya ingin membahaskan sedikit sebelum saya menyatakan soalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membahaskan rang undang-undang ini dalam empat perkara utama:

- (i) senario rasuah secara global, dunia keseluruhannya;
- (ii) cabaran era moden, rasuah dan kekerasan (modernisation, corruption and violence);
- (iii) soal kredibiliti atau integriti; dan
- (iv) tindakan tegas (a stiffer action).

Mengenai senario rasuah secara global, saya ingin mulakan dengan sedikit petikan oleh Samuel P. Huntington, seorang pensyarah daripada Harvard University yang berbunyi begini, dengan izin:

“Corruption is behaviour of public officials which deviate from accepted norms in order to serve private aims. Corruption obviously exist in all societies but it is also obviously more common in some societies than in others and more common at sometimes in the evolution of the society than at other time.”

Saya rasa petikan oleh Huntington ini amat mustahak untuk kita fikir bersama kerana proses pembangunan negara kita mengalami begitu banyak fasa. Daripada proses kemerdekaan, sampai kepada pembangunan, kita fokus daripada pertanian kepada pembangunan industri dan

sekarang dalam zaman teknologi maklumat. Oleh kerana proses pemodenan inilah saya rasa ada kaitannya dengan masalah rasuah yang sama-sama kita hadapi.

Di Amerika telah pun disebut sebagai contoh, abad ke-18 dan abad ke-20 tahap rasuahnya adalah kurang daripada abad ke-19. Di Britain, abad ke-17 dan ke-19 kurang daripada abad ke-20. Jepun kurang daripada China. Australia dan Britain kurang daripada USA dan Kanada. Latin Amerika, seperti Panama, Cuba, Venezuela, Brazil, Dominican Republic dan Haiti kurang daripada Mexico, Equador, Guatemala, Peru, Bolivia, Chile, Columbia, El Salvador, Honduras, Nicaragua dan Paraguay. Jadi, nampaknya soal rasuah ini bermusim, sepertimanalah juga yang kita perhatikan dalam suasana politik wang yang kita hadapi dalam negara kita, nampaknya ianya bermusim. Kebanyakan bentuk rasuah ini sebenarnya adalah boleh kita simpulkan sebagai pertukaran tindakan politik dengan kekayaan ekonomi. Dengan izin, an exchange of political action for economic wealth.

Saya ingin mengambil satu contoh yang amat begitu teruk sekali yang berlaku kepada sebuah negara di rantau ini, yang saya tidak akan sebut namanya, yang saya rasa patut kita jadikan model supaya negara Malaysia patut elak seboleh-bolehnya at any cost, dengan izin. Saya quote, *“Politik is a major industry for the.....”* si anu, si anu. *“It is a major industry.....”* - ianya satu industri yang besar. *“Politik is a way of life.....”* - dalam Malaysia kita ‘addin’ - Islam is a way of life. *“Politik is a main root to power which in turn is the main root to wealth. More money can be made in a shorter time with the aid of political influence than by any other means”*.

Kalaulah negara kita sudah rosak begitu, pada saya, tidak ada lagi zaman gemilang masa depan. Kalau sudah rekod cemerlang kita begitu baik sekali oleh pemimpin-pemimpin agung kita yang dimulakan dengan Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sehinggalah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, kalau kita tidak bendung masalah rasuah sekarang dengan serius dan komited, sepertimana yang dibuat oleh kerajaan sekarang, akhirnya senario yang saya bacakan tadi mungkin akan berlaku di Malaysia, nauzubillah.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah selalu dibincang dan dikaitkan dengan kuasa politik, khususnya kuasa kerajaan. Tetapi biarlah kita berterus-terang, sepertimana saya percaya telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat awal ini, rasuah sebenarnya dalam pelbagai

bentuk wujud juga di sektor korporat. Seperti yang kita tahu pepatah Melayu mengatakan, ‘tepek sebelah tangan tak akan berbunyi’. Yang memberi itu korporat, yang menerima itu kerajaan. Kalau dalam politik tertentu, yang hendak kuasa itu memberi, yang menerima itu ialah yang boleh beri kuasa walaupun kadang-kadang menerima risiko sama ada diberi sokongan untuk mendapat kuasa atau tidak. Oleh kerana itu, saya rasa amatlah mustahak bagi kita memberi fokus juga kepada pemberi.

Saya rasa adalah tidak begitu adil kalau dalam perbincangan kita, pemikiran kita, pencarian masalah kita hanya ditumpukan kepada yang menerima kerana saya rasa akta ini sendiri pun menyebut pemberi dan penerima adalah sama salahnya. Cuma saya rasa, di bidang korporat, di bidang sektor swasta mungkin kita terdapat banyak masalah kerana cara mereka menjalankan aktiviti rasuah itu sendiri adalah halus. Mungkin pada sektor korporat, ini adalah selaras dengan amalan pengurusan yang mengarahkan kepada kreativiti. Jadi, peluang untuk menjadi kreatif itu juga digunakan untuk cara-cara memberi rasuah.

Begitu juga prinsip pemasaran yang dikatakan, dengan izin, know your customer - ketahuilah pelanggan anda dengan sebaik-baik mungkin. Jadi, orang korporat selalunya mengkaji ini dengan begitu detail, dia mengetahui siapa yang ada kuasa, dia mengetahui segala latar belakangnya dengan terperinci, dia mengetahui apa minat dia sama ada dia main golf, naik kuda atau main karaoke, maka segala-galanya digunakan peluang untuk menjalankan aktiviti rasuah.

Saya ingin menarik perhatian kepada Ahli Yang Berhormat sebelum ini, kalau tidak salah saya daripada Perlis, mengatakan bahawa dalam sektor korporat kena main golf untuk berjaya berniaga. Saya berpendapat agak berlainan kerana saya rasa tidak payah main golf pun kita boleh berjaya dan cemerlang dalam prestasi. Kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita bukan main golf dan mereka cemerlang dalam prestasi mereka untuk menjalankan negara. Kalau mereka cemerlang dalam prestasi untuk menjalankan dan mentadbirkan negara, maka orang-orang berniaga juga tidak payah main golf untuk hendak cemerlang, kalaulah golf itu dijadikan alasan untuk menjalankan aktiviti rasuah.

Semalam ada Yang Berhormat bercakap juga tentang transparency berhubung dengan rasuah. Beliau telah menyebut petikan kajian daripada salah sebuah majalah dan menggunakan angka-angka 4, 5, 6, 7, 8 dan sebagainya sebagai ukuran tentang tahap rasuah di negara kita.

Saya ingin memberi dari sudut lain tentang rumusan tahap rasuah ini. Kita ada skala korupsi (scale of corruption). Ini boleh ditakrifkan mengikut pendapat seorang ialah sebagai, dengan izin, 'average value of the private goods and public services involved in the corrupt exchange'. Terjemahannya ialah, 'purata daripada barang-barang persendirian (private) dan perkhidmatan awam (public) yang telah diurusniagakan dalam bentuk yang mempunyai ciri-ciri rasuah'.

Bolehlah kita membuat kesimpulan bahawa dalam semua masyarakat yang terdapat di dunia ini, skala ataupun tahap rasuah yang dijalankan sebenarnya meningkat apabila seseorang itu mempunyai hierarki birokrasi yang tinggi. Ini telah pun dihuraikan dengan begitu panjang lebar oleh Ahli Yang Berhormat sebelum saya tadi. Kesimpulan yang saya beri ini seakan-akan memberi simpulan menekankan kenyataan butir-butir panjang yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat dari Sabah baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin bahaskan rang undang-undang ini atas tajuk kedua saya iaitu Pemodenan, Rasuah dan Kekerasan (Modernisation, Corruption and Violence). Lagi sekali saya ingin petik Samuel Huntington dari Harvard University yang mengatakan, dengan izin, '*Modernisation breed corruption*' - 'Pemodenan itu sebenarnya menghasilkan rasuah'. Kalau ditanya, apa salahnya? Beliau telah menyebut tiga sebab utama setelah kajian dibuat:

- (i) pemodenan bersangkut paut dengan perubahan nilai-nilai asasi masyarakat;
- (ii) ia juga mewujudkan sumber-sumber baru kekayaan dan kuasa; dan
- (iii) perubahan yang boleh dihasilkan di peringkat output, keluaran yang diperolehi daripada sistem politik.

Saya menyebut ini dengan harapan untuk mengetahui asal usul rasuah setelah dibuat kajian oleh profesor terkenal dari Harvard dengan harapan sesiapa sahaja yang ingin mencari ubat, mencari jalan penyelesaian secara makro, secara besar, bolehlah dilihat pada punca-punca ini. Masyarakat yang mengamalkan rasuah berleluasa mempunyai lebih kemungkinan untuk

menghasilkan kekerasan atau rusuhan dan sebagainya. Sekiranya rasuah berjalan dengan begitu berleluasa, tanpa kawalan, tanpa di'check and balance' oleh sesiapa sahaja, maka keadaannya ialah rusuhan akan berlaku pada akhirnya sebagai susulan.

Lihat sahajalah pada pilihan raya sebuah negara baru-baru ini, yang mana saya tidak payah cerita panjang. Sebenarnya bila rusuhan berlaku semasa pilihan raya, inilah sebenarnya melambangkan keadaan yang bertimbun (cumulative) sejak beberapa lama jika tidak dibuat sesuatu.....

Puan Kamalia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan, Yang Berhormat.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang mana Huntington mengatakan 'modernisation breeds corruption'. Kita tahu dari sejarah kalau kita baca buku Dr. Syed Hussin Alatas, '*Corruption: Nature, Causes and Function*' saya rasa banyak menceritakan tentang corruption. Dan kalau kita dengar pun daripada Ahli-ahli Dewan yang telah membahaskan rang undang-undang ini bahawa corruption ini sebenarnya telah wujud sejak zaman berzaman dan kita juga banyak mengambil contoh bagaimana empayar-empayar besar telah jatuh kerana corruption. Bolehkah agaknya Yang Berhormat dapat berikan satu rationalisation terhadap apa yang dikatakan oleh Huntington dengan sejarah korupsi itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, yang dihuraikan oleh Huntington di sini ialah sebenarnya melihat keseluruhan gaya hidup masyarakat itu. Gaya hidup masyarakat dari masa ke semasa bila terdedah dengan pembangunan dan pemodenan proses dari satu tahap ke satu tahap yang lain, di situlah dia cuba menghuraikan dengan detail walaupun saya hanya beri sepintas lalu di sini, dan cukup meyakinkan bahawa apa yang dikatakannya itu adalah sepertimana yang saya telah simpulkan tadi. Sebenarnya kalau hendak dihuraikan dengan panjang lebar ada 8 muka khas yang ditulis hanya atas tajuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kuat rang undang-undang ini termasuk juga potensi melaksanakannya. Saya tekankan, potensi melaksanakannya dengan berkesan, kerana ianya sekaligus menaikkan tahap kredibiliti kerajaan kita. Inilah tajuk saya yang ketiga tentang

kredibiliti, kerana tanpa kredibiliti mana-mana kerajaan pun akan jatuh di satu hari. Ini pun telah ditekankan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan dasarnya tahun lalu di Perhimpunan Agung UMNO Malaysia telah menunjukkan tentang kejatuhan pemerintahan beberapa negara Jepun, UK dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyebut ini semasa pembentangan beliau pada hari permulaan lalu.

Yang saya hendak tekankan mengenai kredibiliti ialah supaya sama-sama kita lebih menyedari ini, sebab kalau kita telah - sebelum saya buat rumusan, saya ingin menekankan lagi, mengikut James M. Coases dan Berry Z. Posner, dua orang pengarang handal, buku *'The Leadership Challenge'* dan buku *'Credibility'*, dengan izin. Kedua-dua buku ini sahaja menghuraikan tentang sebab-musabab, rasional dan sebagainya bagaimana kita hendak menguasai pemikiran pengikut-pengikut kita menentukan kredibiliti yang kita ada berterusan. Mengikut pengarang-pengarang ini, untuk meningkatkan kredibiliti sebenarnya ada tiga fasa yang mesti dilalui. Pertama, clarity - jelas dari segi visi, misi, perancangan dan sebagainya. Ini terbukti jelas bila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita menyampaikan Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991 dahulu.

Keduanya, unity - kita mesti bersatu. Bunyinya senang, tetapi susah hendak sampai. Alhamdulillah, kita dalam keadaan bersatu sekarang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu menekankan ini tentang unity, kesatuan kita yang tidak boleh kita ambil senang (take for granted).

Ketiganya, intensity ataupun kesungguhan, iltizam, usaha bertubi-tubi, ini intensity. Jadi, kalau sudah ada clarity, unity dan intensity, saya rasa fasa-fasa ini yang mesti dilalui dalam kredibiliti. Kalau kita hendak tambah, mungkin boleh ditambah dengan perkataan ketelusan (transparency), jadilah perkataan 'CUIT' boleh kita ingat dengan senang, bukan 'cute', tetapi 'CUIT' - 'Clarity, Unity, Intensity dan Transparency.'

Di sinilah saya ingin mengambil peluang sebagai ahli Senator Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi tahniah lagi sekali kepada jentera Barisan Nasional yang telah menang di Semerak baru-baru ini. Saya rasa kemenangan ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional sekarang ini ada kredibiliti. Saya ucapkan tahniah, khususnya kepada Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri kerana dalam usaha kempennya yang terakhir semasa pilihan raya tersebut, beliau menekankan tentang masyarakat madani, beliau menekan tentang ‘makasid alsyariah’, tujuan syariah diturunkan untuk menjaga kepentingan umum. Beliau menyebut tentang usaha ulamak terkenal, Dr. Yusof Al-Qardawi, Dr. Taha Jabir Al-Awami dan sebagainya. Saya percaya pendekatan-pendekatan begini termasuk dengan usaha-usaha lain yang dibuat oleh jentera pilihan raya Barisan Nasional telah pun menaikkan kredibiliti Barisan Nasional. Saya harap dengan kemenangan ini, usaha-usaha Barisan Nasional akan dapat diteruskan untuk meningkatkan kredibiliti, insya-Allah negeri Kelantan akan dapat ditawan dalam pilihan raya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyampaikan rumusan penyelidikan yang telah dibuat di mana melibatkan lebih 15,000 orang, di mana melibatkan lebih 400 kes tadi dan lebih 100 wawancara panjang dengan beberapa pemimpin di segenap lapisan rakyat. Kesimpulan penyelidikan ini ialah dengan izin, leadership is all about relationship - kepimpinan adalah sebenarnya mengenai hubungan kita dengan pengikut. Dan ini berkehendak disiplin yang kuat. Bila kita menyebut disiplin yang kuat, ianya memberi gambaran tentang kemungkinan untuk belajar, ‘the willingness, the openness to learn.’ Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri selalu membicarakan tentang semua rakyat terutama sekali pemimpin-pemimpin untuk terus membuka hati dan belajar untuk belajar, ‘learn how to learn.’ Kerana kalau semua rakyat dilengkapi dengan kemahiran untuk belajar bagaimana kita hendak belajar, maka pembelajaran kita itu akan lebih cepat, akan lebih kena pada sasaran dan akan lebih bermanfaat supaya ianya boleh dapat digunakan bila masanya sampai nanti.

Tuan Yang di-Pertua, nama Malaysia sekarang ini cukup harum semerbak di serata dunia. Dunia menghormati kita. Kita dijadikan model, kita dilawati oleh banyak pemimpin agung, khasnya dari pemimpin-pemimpin dunia ketiga. Baru-baru ini di Langkawi International Dialogue on Smart Partnership yang mana dihadiri sendiri dan dipengerusikan sendiri sebahagiannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya rasa ini sahaja menunjukkan kredibiliti kita yang begitu baik dari segi dalamannya dan luarannya. Dalamannya rakyat menyokong kita dan kita menang pilihan raya. Inilah kita hendak kita tentukan berterusan. Dan luarannya ialah kita berpeluang

untuk bertukar pendapat dan menawan hati dan minda mereka supaya insya-Allah kita akan dapat menerokai pasaran mereka selain daripada membuat hubungan-hubungan yang lain. Saya rasa pihak sektor korporat amat menghargai usaha-usaha kerajaan tentang Smart Partnership ini, dan saya rasa usaha-usaha ini patut diteruskan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang ingin saya bangkitkan ialah a stiffer action, dengan izin, atau tindakan tegas atau susulan. Umum mengetahui kita boleh membuat perancangan, kita boleh merangka undang-undang yang baik, tetapi kalau tindakan susulan kurang berkesan, hasilnya tidak juga kita dapat. Di pihak kerajaan saya menyambung apa yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya tetap bertindak tegas. Saya ingin petik buku Asian Renaissance, karangan Anwar Ibrahim, December 1996, dengan izin, *“There must be the political will to wage war against this insidious blood of mankind. A war but by the full force of the law. The main actors in the circle of the corrupt must be prosecuted in a judicial system marked by integrity and moral courage in its deliberation.”*

Ketegasan penulis ini yang secara kebetulan juga Timbalan Perdana Menteri melambangkan bahawa begitu seriusnya perkara ini hendaklah ditangani kerana bila kita menyebut ‘main actors in the circle of the corrupt’, pelakon-pelakon dalam drama rasuah ini, kalau kita biarkan begitu sahaja sudah pasti akan menjadi mudarat. Di pihak rakyat pula, rakyat keseluruhannya mestilah menyedari dan memahami dengan mendalam dan seterusnya bertindak supaya tidak menjadi pelakon atau pengamal rasuah. Banyak telah dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum saya membuat beberapa cadangan dan banyak cadangan itu ditujukan kepada pihak kerajaan.

Di sini saya ingin menumpukan kepada usaha-usaha yang boleh kita, rakyat sendiri patut mengambil pendekatan proaktif supaya bukanlah hanya usaha-usaha ini dibuat oleh kerajaan dengan jenteranya, kerajaan dengan undang-undangnya, kerajaan dengan Badan Pencegah Rasuahnya, tetapi saya rasa rakyat juga hendaklah diberi kesedaran dan mengambil bahagian dengan begitu berkesan.

Di sini saya ingin tumpukan perhatian kepada peranan ahli-ahli Dewan Negara sendiri. Saya telah banyak mendengar tentang apa yang dikatakan ahli Dewan Negara sebagai ‘rubber stamp’, favourite terminology. Kalau kita melihat, pertama sekali saya ucap tahniah kerana kelab ini dibaikpulih dan sekarang kita presiden. Kelab Senator Malaysia, dalam bahasa Inggerisnya ialah Malaysian Senators Club ‘MSC’. Saya anjurkan bila kita sebut MSC sekarang ini, dahulunya kita kenal dalam bidang pendidikan sebagai ‘Master of Science’. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kebijaksanaan dan kepintarannya memperkenalkan Multimedia Super Corridor (MCS). Hari ini saya ingin cadangkan supaya Malaysian Senators

Club 'MSC' dijadikan sebagai satu nama yang diketengahkan, diperkenalkan sebagai satu produk di mana peranannya itu dapat dihormati dan dirasakan oleh rakyat sebagai berkesan. Soalnya bagaimana?

Cadangan saya ialah mungkin elok dijadikan peranan utama kerana peluang untuk kembalikan imej Upper House ini dibandingkan dengan pihak kerajaan, saya rasa kalau tidak salah saya dengan kefahaman saya yang singkat ini boleh diibaratkan sebagai peranan MSC, iaitu Malaysian Senators Club, dengan izin, consultancy and support services.

Kalau saya melihat di sana badan kerajaan sebagai Eksekutif yang Ahli Senator ini, kalau saya fikir dari segi sektor korporat dan pengurusan, kita tidak lain seakan-akan memberi khidmat nasihat dan support services, khidmat membantu. Kalau sudah jadi jururunding atau perunding dan pembantu khidmat, soalnya bagaimanakah MSC dapat menjalankan peranan itu dengan terkenal, macamlah dengan sebuah syarikat menganjurkan satu produk kalau Bill Gates memperkenalkan 'Windows 95, Windows 97, Windows 2000' sudah buat perancangan dan dihebahkan dengan begitu ramai, ditekankan, dibuatkan promosi yang kuat, dipasarkan dengan begitu hebat dan saya rasa cara inilah MSC boleh mengambil peranan. Bagaimana lagi? Bolehlah dijadikan peranan memberi penerangan dan pendakwah mengenai MSC umpamanya.

Kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan tadi menyebut, akhir bulan Ogos ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri akan memberi penerangan mengenai MSC dan IT, dia sudah buat dahulu, tetapi saya ingat kempen ini akan lebih hebat. Kalau sudah akhir bulan Ogos ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menerangkan sekali lagi mengenai MSC, apa kesannya kepada masyarakat, apa baiknya untuk masyarakat masa depan, saya rasa MSC patut 'complement'kan usaha ini, usaha yang dibuat oleh chief executive, CEO of Malaysia Incorporated ini dengan jalan memberi penerangan, pendedahan setakat yang kita tahu. Kalau kita masih belum berilmu benar dalam bidang MSC,

MIT ini, maka bolehlah dianjurkan kursus-kursus penerangan yang khas sepertimana yang telah diadakan baru-baru ini, pada hari pertama saya lapor diri, dia kata ada Advanced Reading Course, kursus membaca dengan cepat. Jadi, pada saya boleh dilanjutkan kursus ini dan kalau ada program-program yang berkenaan dengan bidang ini hendaklah dilibatkan Ahli-ahli Dewan ini dan maka dengan cara itu bolehlah Ahli-ahli Dewan ini menyampaikan peranannya dengan sendiri.

Saya beri contoh, program televisyen ‘Global’, program televisyen ‘Editor’ dan sebagainya, kadang-kadang mempersoalkan soal-soal trivial, tidak begitu memanfaatkan masyarakat. Pada saya, kalaulah MSC ini diberi pengkhususan, Malaysian Senators Club (MSC) maksud saya, memberi pengkhususan kepada tiga tajuk umpamanya, MSC IT yang pertama; keduanya, rasuah dan ketiganya, ilmu.

Tiga produk untuk “syarikat” ini MSC ini untuk promote, ada sahaja peluang bercakap dalam forum, seminar luar negeri, dalam negeri, universiti, kampung, bandar, semuanya kita ambil bahagian. Hantar wakil kita bercakap, representing Malaysian Senators Club, make your mark, dengan izin. Pada saya cara ini akan meningkatkan imej kelab yang telah disuarakan oleh rakan-rakan kita tadi. Saya hanya membuat cadangan kalau pun diterima oleh ahli-ahli kemudian.

Saya tekankan tajuk MSC IT ini kerana saya amat menyedari dan memahami apa yang sedang diusahakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita. Pada saya, tajuk MSC IT ini adalah satu anjakan paradigma yang maha besar yang berlaku di negara kita. Anjakan paradigma inilah yang patut kita susuli dengan penerangan bertubi-tubi, macam dengan wawasan, mahaguru pengurusan selalu mengatakan

bila kita bercakap tentang visi, hendaklah kita menceritakan visi wawasan ini kepada semua yang terlibat sehingga kita tidak puas-puas cerita sampai orang itu boleh cerita macam kita juga.

Oleh kerana itulah sekarang semua rasa sedap dan senang bercakap tentang Wawasan 2020. Apakah kita semua sekarang sedap dan senang dan confident untuk bercakap tentang MSC dan IT. Kalau ada gap ertinya sudah ada keperluan untuk mengisi kekosongan itu dan saya rasa anjakan paradigma, peluang untuk menukar mindset ini patut dimanfaatkan kerana inilah berlaku umpamanya, penyelarasan Undang-undang Islam di seluruh negeri, mengenai rasuah, mengenai kebersihan umpamanya. Bercakap tentang rasuah boleh dikaitkan dengan kebersihan alam sekitar, boleh dikaitkan dengan kebersihan sebagai orang Islam, boleh dikaitkan dengan kebersihan di toilet, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bercakap tentang kempen hendak membersihkan toilet sekarang. Jadi, perkara-perkara ini patut dihubungkan untuk memberi makna yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa oleh kerana kita menganggap Multimedia Super Corridor (MSC) - MSC-1; Malaysian Senators Club - MSC-2 *[Ketawa]* oleh kerana saya menganggap MSC one itu adalah anjakan paradigma maha besar di negara ini, mengapa? Sebab ia melibatkan infrastruktur berbilion-bilion ringgit, ia melibatkan pengwujudan environment bekerja alam sekitar bekerja yang begitu baik, ia melibatkan penggubalan undang-undang yang baru cyber laws, tujuh semuanya, sebahagiannya sudah lulus dalam Parlimen, kalau sudah dibuat begini projek gergasi begini, yang telah diusahakan, dipromosikan dengan begitu berjaya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di seluruh dunia, semuanya kagum,

semuanya kata: “You are the best.” Semuanya hendak pinjam, privatisakan PM kita supaya dia boleh jalankan jadi Perdana Menteri di negara-negara lain, mengapa tidak kita manfaatkan ini dengan hal-hal lain untuk menukar minda masyarakat kita.

Saya terus menyatakan bahawa ini menjadi ‘test bed’, kalau ini menjadi ‘test bed’, saya rasa undang-undang rasuah yang kita bincangkan pada hari ini patut juga dijadikan ‘test bed’ digunakan dalam MSC ini dan dimonitorkan hasil dan kesannya supaya mendapat feedback dengan cepat dan spontan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut tentang Langkawi International Dialogue Smart Partnership. Umum mengetahui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada kali ini Langkawi International Dialogue Yang Ketiga telah pun bercakap dalam ucap rasminya tentang smart partnership dan yang diceritakannya ialah mengenai kejayaan Barisan Nasional sebagai contoh ‘success model’ Smart Partnership.

Saya ingin cadangkan supaya smart partnership di peringkat kita ini, kerajaan, business dan juga rakyat termasuk MSC-2 iaitu Malaysian Senators Club ini akan dapat diwujudkan kerana kalau program-program ini dijalankan serentak, yang eksekutifnya menjalankan kerja mereka selain daripada penerangan tetapi tanggungjawab penerangan dan dakwah ini boleh dilakukan oleh Kelab Senator maka dilihat oleh rakyat bahawa ada kesinambungan dan ada peranan yang dimainkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut di sini progress yang berlaku di dalam mewujudkan MSC yang agung, yang besar tadi ialah di mana syarikat-syarikat besar sekarang ini telah pun dipelawa untuk membuat cadangan, apa yang

dipanggil 'concept request for proposals', cadangan untuk mengemukakan konsep, pihak kerajaan, pihak Multimedia Development Corporation telah pun memberi garis panduan dan masing-masing syarikat multinasional yang besar-besar sekarang ini menyediakan proposal dan akan membuat cadangan mereka untuk dikaji dan diputuskan oleh kerajaan.

Inilah pada saya satu kes yang terbesar yang menjadi 'test case' kepada Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah yang kita bincangkan ini. Kerana apa yang telah disebutkan tadi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kontrak-kontrak itu, saiznya kecil, medium dan besar dan sekarang apa yang saya sebut, saya rasa saiznya senang-senang maha besar. Kalau maha besar sepertimana yang kita ulaskan tadi, oleh kerana potensi untuk 'wealth' maha besar ini besar maka kemungkinannya juga akan juga besar.

Oleh kerana itulah patut dijadikan sebagai 'concerted effort' sebagai 'test case' selaras dengan MSC itu sendiri menjadi 'test bed' untuk aplikasi-aplikasi yang telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, tadi saya ketinggalan sedikit, bila saya bercakap tentang ilmu - tidak mengapalah, tinggalkanlah bab itu, saya ingat sudah 'out of text'.

Saya terus beri soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mukasurat 27 Fasal 22 (1). Ini bercakap tentang kuasa untuk menyiasat aduan dan maklumat. *'Ditulis dengan terang, boleh dibuat secara lisan atau bertulis.'* Lisan atau bertulis, yang saya agak keliru mungkin bacaan saya dari segi undang-undang ini agak kurang, saya ingin mendapat penjelasan ialah dalam konteks kita bercakap tentang MSC IT, dalam konteks kita menghadapi digital economy, digital society

yang canggih elektronik ini, bagaimana kalau sekiranya aduan itu dibuat secara elektronik iaitu melalui Internet dan sebagainya.

Jadi, bagaimana rang undang-undang ini boleh 'accomodate', sebab yang ditulis lisan atau bertulis. Bertulis ini pada saya 'printed', yang satu lagi bukan 'printed' tetapi digital. Jadi, itu soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh rendah diri mendoakan semoga rang undang-undang ini diterima bulat dan berjaya dilaksanakan kerana sepertimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita:

“Tidak ada formula yang sempurna tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ialah agenda sempurna yang tidak dilaksanakan.”

Kata beliau pada 28 Februari 1991. Jadi, saya harap pelaksanaannya baik, sepertimana yang kita sebutkan, sokongan rakyat baik, peranan Ahli Senatonya baik dan dengan itu kita akan dapat mencapai hasrat yang kita idami.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah.

6.13 ptg.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut ingin membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kerajaan yang dengan beraninya menggubal rang undang-undang tersebut di atas. Cuma apa yang saya harapkan pelaksanaannya mestilah dijalankan dengan adil, di mana dengan rang undang-undang yang digubal ini diberi kebebasan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah untuk membuat siasatan kepada sesiapa sahaja yang terbabit tanpa memilih bulu sama ada orang-orang yang paling tertinggi dari kalangan ahli-ahli politik atau

pegawai-pegawai kerajaan. Penggubal rang undang-undang ini hendaklah meletakkan Allah sebagai saksi di mana kawalan iman akan menjadi benteng kepada kebenaran dan keadilan kepada rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali telah mendedahkan masalah dalam pilihan raya kecil DUN Semerak, dua hari yang lepas. Saya mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional yang menang. Bagi kami PAS menang kalah adalah asam garam di dalam perjuangan. Kekalahan merupakan perkara biasa kepada kami dan kami terima dengan lapang dada, cuma apa yang ingin saya kemukakan untuk pengetahuan sidang Dewan iaitu dalam pilihan raya tersebut pihak polis membawa anjing sebagai tenaga tambahan kepada pilihan raya tersebut. Apakah tenaga manusia sudah kehabisan dan saya amat terkilan sekali di atas perbuatan ini.

Bayangkanlah orang-orang kampung di kawasan Semerak itu jarang-jarang melihat anjing kerana di kawasan itu adalah kawasan lembu dan kambing. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasalah anjing merupakan satu kawalan budaya yang amat tidak sesuai di kawasan pedalaman tersebut, lebih-lebih lagi anjing itu binatang yang najis.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhirinya saya mengucapkan terima kasih. Sekian.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Sebelum akhir, bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta penjelasan, hendak berikah atau tidak?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Ha, penjelasanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan ya.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Kalau baca sahaja tidak boleh menjelaslah. Baca orang tulis kot? Atau boleh jelas?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dia hendak minta penjelasan sedikit, boleh benarkan atau tidak?

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Penjelasan daripada.....?

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Daripada Yang Berhormatlah. [Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua: **Percakapan tadilah.**

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: **Baik, daripada cerita saya inikah?**

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Yalah, saya pun orang Kelantan.**

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: **Yalah.**

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Di Semerak pun saya ada, saya pun tengok polis.**

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: **Masalah.....**

Tuan Yang di-Pertua: **Polis banyak bawa anjing.**

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Bolehkah? Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dia beri, kalau tidak boleh, tidak boleh. Kalau boleh pun.....**

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: **Yalah, masalahnya....Saya ingin tahulah sama ada mengapakah dibawa anjing itu?**

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Kemudianlah jawab, cuma saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat pula, saya belum menteri.**

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: **Ya.**

Tuan Yang di-Pertua: **Kalau Yang Berhormat beri jalan.**

Datuk Haji Hashim bin Mohd. Noor: **Boleh? Beri jalan?**

Tuan Yang di-Pertua: **Kalau beri jalan, sila duduk dulu. Dia beri jalan.**

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat yang bercakap dan saya pun tidak sangkalah anggapan begitu rupa sekali kepada pegawai keselamatan yang buat kerja cukup cemerlang. Saya ingin tahu apakah Yang Berhormat sedar bahawa pelampau-pelampau daripada parti PAS ini boleh mengancam dan satu peristiwa di kawasan Arqam kebetulan di peti undi Gong Kulim yang saya sendiri menjaganya, perkampungan Arqam itu diceroboh oleh pemuda PAS yang cukup agresif kerana orang Arqam ini - seramai 35 pengundi Arqam itu bersedia untuk menyokong Barisan Nasional dan pemuda ini masuk menceroboh dan mengugut untuk tanah yang belum dimiliki itu akan dirampas, kalau tidak sokong PAS. Apakah Yang Berhormat tidak boleh bersimpati kepada polis**

yang cuba mengawal keadaan ini sehingga pemuda itu dihalau keluar, itu saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, masalah pengacau-pengacau yang di Kulim itu bagi saya tidak mengetahuinya tetapi apa yang berlaku ini ialah di peti undi Dalam Ru kerana pada waktu itu saya berjumpa dengan muslimat-muslimat di peti undi itu menangis kerana ketakutan anjing itu dibawa menghampirinya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Majid.

6.19 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih diberi peluang untuk turut serta bagi membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997. Saya tidak mengambil masa yang lama.

Usaha meminda Akta Pencegahan Rasuah 1997 mencerminkan kesungguhan dan ketegasan kerajaan untuk membendung gejala rasuah daripada terus bercambah dan membarah dalam budaya masyarakat Malaysia. Kedua-dua pemimpin tertinggi kerajaan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad serta Dato' Seri Anwar bin Ibrahim jelas menunjukkan iltizam mereka terhadap kegiatan salah laku ini khususnya di kalangan pemimpin politik dan pegawai-pegawai kerajaan serta rakyat sekalian dalam negara kita yang kita cintai ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengeluarkan air mata dalam masa berucap menerangkan bahaya rasuah dan gejala-gejala rasuah dalam negara kita semasa berucap di Perhimpunan Agung UMNO di PWTC tahun yang lepas. Kedua-dua pemimpin kita serta rakyat meletakkan harapan yang tinggi. Mereka yang korup dan menyalahgunakan kuasa, rasuah tidak lagi mempunyai tempat yang wajar, diambil tindakan yang sepatutnya. Usaha meminda Akta Pencegahan Rasuah tersebut adalah lebih mantap dalam menangani gejala rasuah atau salah laku. Saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada keberanian kerajaan untuk meminda undang-undang tersebut bagi mencegah salah laku dan rasuah dalam negara ini.

Rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berleluasa bukan sahaja kita anggap perbuatan keji - berdosa kepada Allah, bahkan melibatkan kerugian, kemusnahan, keruntuhan tetapi juga boleh menjahanamkan pemerintahan. Keyakinan rakyat akan luntur musnah terhadap Kerajaan Barisan Nasional kalau rasuah ini berleluasa, contoh negara-negara Afrika, Congo dan

sebagainya. Negara Korea baru-baru ini berlaku rasuah terhadap dua bekas Presiden masih belum selesai lagi dan menimbulkan rusuhan dalam negara tersebut sehingga sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya juga mengharapkan bukan hukuman yang dikenakan kepada mereka yang memberikan rasuah atau menerima rasuah tetapi kedua-duanya hendaklah diberi keadilan yang sesungguhnya. Kadangkala kita jangan beri hukuman kepada yang menerima rasuah sahaja tetapi yang memberi juga mesti dihukum sama.

Tuan Yang di-Pertua, teringat saya peristiwa kisah dahulu kala iaitu di zaman Kerajaan Melaka saya pernah terbaca Tun Hassan Temenggong dalam ceritanya bersahabat baik dengan Seri Bendahara pada ketika itu tetapi oleh kerana banyak pedagang dari luar yang suka menyogokkan rasuah kepada pemimpin ketika itu sedangkan Tun Hassan Temenggong seorang yang yakin dan bersahabat baik dengan Seri Bendahara. Oleh kerana disogokkan dengan 'setipir' emas, runtuh imannya terus menerima, dalam hatinya berkata "Hai emas, Tuhan bukan engkau, jika berkehendak olehku berlakulah oleh engkau". Inilah dia, makna yang menyogok emas itu juga besar kesalahannya, bukan sahaja yang menerima sogokan itu yang bersalah. Jadi, sebab itulah saya menekankan supaya hukuman juga diberikan setimpal dengan orang yang menerima rasuah.

Kita pernah dengar bahawa dalam negara kita banyak berlaku penyelewengan rasuah di bank-bank, padahal yang mentadbirkan ialah orang yang bijak pandai, orang yang berpengetahuan, kelulusan tinggi - siswazah, sebab itu pernah orang-orang tua mengatakan kalau hendak memilih sesuatu pemimpin atau kedudukan menguasai sesuatu agensi yang besar, hendaklah cari yang betul, ada disebutkan:

Pilih-pilih tempat bermandi,

Pertama teluk kedua pantai;

Pilih-pilih tempat menjadi,

Pertama yang elok kedua yang pandai.

Jadi, orang-orang tua dahulu memilih tempat yang elok, bukan dia pilih yang pandai kerana yang pandai belum tentu lagi. Yang elok itu kalau elok perangai, elok kelakuan, elok kepimpinan, elok tidak berasuah tetapi kalau pandai mungkin pandai putar belit, pandai seleweng dan sebagainya.

Jadi, saya dengan itu menyokong penuh rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: **Tuan Yim.**

6.26 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: **Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.**

Sebelum ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada UMNO dan Barisan Nasional kerana menang dalam Pilihanraya Kecil Semerak. Ini adalah menunjukkan bahawa rakyat Kelantan hari ini sedar kepentingan menyokong Barisan Nasional dan UMNO. Mereka sekarang ingin memajukan negeri Kelantan, juga menunjukkan rakyat Kelantan menyokong rang undang-undang ataupun Kempen Anti-Rasuah yang dilancarkan oleh kerajaan kita iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Ada juga ramai orang tidak ingat akan hal ini, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, orang dari Kelantan telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kita ini - ini yang penting - ini pun salah satu sebab yang memenangi pilihan raya kecil itu, pada hemat saya. *[Ketawa][Tepuk]* Kalau saya jadi pengundi Kelantan saya pun sokong Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: **Yang Berhormat boleh pindah ke Kelantanlah, jadi pengundi. *[Ketawa]***

Tuan Yim Chee Chong: **Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional ataupun calon yang telah memenangi pilihan raya itu harus dikotakan apa janji ataupun kata-kata. Seperti pilihan raya di negeri Sabah, Barisan Nasional janji apa akan buat, apa projek akan dijalankan, pada hari ini nampaknya semua dilaksanakan. Ini adalah satu.....apa hal senyum sahaja Dato' Chong, mahu minta jalan atau tidak tentang Sabah?**

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin pada pilihan raya yang akan datang UMNO dan Barisan Nasional akan memerintah di negeri Kelantan. Saya boleh beri laluan kepada Senator PAS, apakah pandangan tentang ucapan saya ini. *[Ketawa]* Saya beri laluan kalau hendak minta. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: **Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak ucap apa-apa, jadi kita tunggu masa dia dan kita tengok.**

Tuan Yim Chee Chong: **Tengok ucapan saya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sekarang Dewan Negara mempunyai dua orang Senator PAS. Negara kita ini adalah sebuah negara yang**

bercorak Demokrasi Berparlimen. Pada hemat saya, saya sambut kedua orang Senator dari PAS. Saya sambut macam Dewan Rakyat, saya sambut oleh kerana.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Yim Chee Chong: **Oh, dari Kelantan juga, ini yang betul punya pandangan. *[Ketawa]***

Tuan Yang di-Pertua: **Ini jam sudah pukul 6.30 ini.**

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Besok ya. Hendak berhenti tidak apa. Boleh ingat saya tanya **besok.****

Tuan Yim Chee Chong: **Ini terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya.**

Datuk Haji Hashim bin Safin: **Sambung? Besok ya.**

Tuan Yang di-Pertua: **Besoklah.**

Tuan Yim Chee Chong: **Besok minta ya, saya tunggu. *[Ketawa]***

Tuan Yang di-Pertua: **Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.**

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.